


**Jilid I
Bil. 77**



**Hari Selasa
16hb Oktober, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8375]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencen [Ruangan 8401]

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia [Ruangan 8441]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' DR SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kemajuan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P.
(Tanjong Malim).

- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB
BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK
HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN
CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN
(Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN
LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING,
K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL
RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*
Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis),

- Yang Berhormat TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 16hb Oktober 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERLEMBAGAAN MALAYSIA—KUASA NEGERI MENGENAI UNDANG- UNDANG ISLAM

1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah-setengah perkara dalam Perlembagaan Malaysia menyekat Kerajaan-kerajaan Negeri menjalankan tugas mengenai Undang-undang Islam dan Agama Islam, jika ya, samada beliau bersedia meminda Artikel-artikel yang berkenaan di dalam Perlembagaan Malaysia, supaya segala hal-hal Undang-undang Islam dan Agama Islam terserah kepada Raja-raja atau Sultan-sultan atau Yang di-Pertua Negeri di dalam negeri masing-masing (Artikel 75, 81) (Jadual 9 Senarai 2).

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada sekatan-sekatan itu. Oleh kerana negara ini mengandungi penduduk-penduduk yang menganuti berbagai ugama, maka peruntukan dibuat sedemikian dalam Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 1, Senarai II Jadual 9, Senarai Perundangan, dalam Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada negeri-negeri berkenaan dengan Ugama Islam dan bagi orang-orang yang menganuti Ugama Islam. Senarai itu membutirkan perkara-perkara di mana negeri-negeri berkuasa membuat undang-undang, iaitu Hukum Syara' dan

undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganuti ugama Islam, termasuk perkara-perkara yang disebutkan di dalam Senarai itu, seperti Hukum Syara' berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, perkahwinan, perceraian, nafkah dan lain-lain. Kuasa negeri-negeri membuat undang-undang adalah terhad kepada perkara-perkara yang dibutirkan dalam Senarai itu. Oleh kerana ini adalah prinsip besar, maka Kerajaan tidak bersedia untuk meminda peruntukan-peruntukan itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang-kuasa) 1965, Akta itu telah diluluskan dan kemudian terdapat suatu sekatan yang terlalu ketat mengenai bidangkuasa Mahkamah Syariah sehingga negeri-negeri tidak dapat menjalankan reformasi undang-undang syariah untuk membetulkan pelaksanaan undang-undang keluarga bagi negeri-negeri yang berkenaan. Jadi sekatan itu merupakan suatu halangan yang tidak wajar untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam undang-undang syariah di negeri-negeri. Jadi, adakah Akta itu akan dimansuhkan supaya membolehkan negeri-negeri mengadakan satu undang-undang syariah yang sesuai dan dapat mengatasi masalah-masalah keluarga yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan satu perkara yang tepat dan oleh kerana saya tidak diberi notis maka saya tidak mengetahui butir-butir yang terkandung dan masalah yang berbangkit di dalam undang-undang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jika didapati kesulitan maka ini tidaklah termesti dan wajar kita meminda peruntukan, kalau adapun pindaan kepada senarai bagi hendak membetulkan jika ada terhad kepada perkara-perkara yang tertentu. Soalan ini

ialah meminta dipinda perkara-perkara yang tersekat, perkara umum. Saya kata kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh mengemukakan perkara itu kepada saya, dan ini ada tersekat mengikut senarai itu, kita betulkan senarai, tidak pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya faham tentang maksud di sebalik pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri apakah akibat dari segi perundangan

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Orang sedang bercakap tidak boleh diganggu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: jika sekiranya tiap-tiap negeri itu boleh mengadakan undang-undangnya sendiri yang berlawanan atau bercanggah dengan undang-undang Persekutuan dan walaupun

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya tadi? Ada gangguan tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahannya ialah apakah akibatnya dari segi perundangan jika sekiranya tiap-tiap negeri itu boleh mengadakan undang-undangnya sendiri yang berlawanan dengan perundangan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah ditanya. Apa yang sudah ada termaktub ini tidak payah disoal kerana tiap-tiap undang-undang selepas daripada Merdeka tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan. Itu menjadi Supreme Law. Itu tidak payah ditanya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak tanya dari segi akibatnya, bukan dari segi perbezaannya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya kata tidak boleh, tidak bolehlah! Tidak payah ditanya. Dalam Peraturan Mesyuarat 23 (1) (n) benda yang boleh didapati daripada dokumen tidak boleh ditanya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

PENDATANG HARAM KE MALAYSIA

2. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan hasil mesyuarat dengan Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva bulan Julai yang lalu mengenai masalah pendatang haram dan sejauh manakah kejayaan telah dicapai dalam mesyuarat tersebut berhubung dengan soal-soal menempatkan mereka ke negara-negara ketiga istimewanya pendatang-pendatang haram yang masih berada di Malaysia lagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah saya beri pada 8hb Oktober yang lalu. Pada hari ini baki pendatang haram yang ada di negara kita ialah seramai 44,022 orang.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya sedikit pun tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia? Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Sarawak ada hak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris, takkan tidak boleh gunakan langsung Bahasa Malaysia. Cuba gunakan Bahasa Malaysia.

Tuan Fung Ket Wing: I would like to ask the Minister whether the question.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh cakap juga dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Fung Ket Wing: Tidak pandai.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak pandai tidak mengapa, tetapi cuba. Selagi tidak dicuba, mana boleh. Saya tahu Yang Berhormat ada hak di bawah National Language Act yang patut dikaji semula pada tahun 1973 tetapi belum dikaji lagi sampai sekarang. Tetapi cubalah bercakap juga dalam Bahasa Malaysia (*Tepuk*).

Tuan Fung Ket Wing: Lain kali.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, lain kali. Saya pegang "lain kali". Sekarang teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*) I would like to ask the Minister whether the question of illegal immigrants from Philippines to Sabah was brought up at the Geneva Conference and whether any third country has offered to resettle them. If it was not brought up for discussion, what are the reasons for it not being brought up?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang diketengahkan di Geneva itu bukan perkara umum soal refugees tetapi terbatas kepada soal refugees yang keluar daripada Vietnam.

PELEPASAN CUKAI UNTUK ANAK-ANAK CACAT

3. Tuan Oo Gin Sun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang mengadakan kelonggaran cukai bagi menanggung tanggungan-tanggungan termasuk ibu-bapa yang sakit melarat dan tidak bekerja, kanak-kanak yang cacat anggota dan otak dan lain-lain.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, cadangan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat memang sentiasa dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Mengenai pelepasan untuk anak-anak yang cacat dari segi fizikal atau pemikiran pelepasan ini telahpun diberi di bawah Akta Cukai Pendapatan yang ada sekarang sebanyak \$400 bagi tiap-tiap seorang anak cacat walaupun ia melebihi umur 16 tahun dan tidak bersekolah.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian berpendapat bahawa peruntukan yang ada pada masa sekarang ini adalah tidak mencukupi memandangkan keadaan inflasi yang sering meningkat dan kalau pihak Kementerian itu sedar dengan keadaan ini, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan peruntukan ini supaya meringankan beban yang dipikul oleh ketua-ketua keluarga.

Tuan Mak Hon Kam: Pelepasan \$400 ini adalah hanya bantuan tambahan sahaja kerana mereka yang cacat juga layak mene-

rima berbagai-bagai bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Yayasan Kemasyarakatan.

HARGA SIMEN

4. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar simen dapat diperolehi dengan harga \$8.20 di bandar-bandar sahaja, dan penduduk-penduduk luar bandar harus membayar lebih daripada \$8.20 sekampit kerana mereka harus membayar perbelanjaan pengangkutan tambahan bagi bahan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu pada 11hb Oktober, 1979. Saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan yang telah diberikan.

INSPEKTOR POLIS—KRITERIA KENAIKAN PANGKAT

5. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kriteria utama dalam menimbang kenaikan pangkat pegawai-pegawai polis khususnya Inspektor dan adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa sistem menaikkan pangkat pegawai-pegawai dari daerah lain dan menempatkan mereka ke sesuatu daerah akan menyebabkan perasaan kekecewaan di kalangan Inspektor-inspektor yang berkhidmat di daerah ini kerana mereka berasa bahawa mereka diperkecilkan dan mereka juga memiliki kelayakan yang serupa dengan pegawai-pegawai yang ditempatkan di daerah mereka dan yang demikian ini akan menawarkan hati mereka daripada memberikan khidmat yang cemerlang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan kita, soal kenaikan pangkat adalah terletak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan di dalam membuat perakuan untuk menaikkan pangkat kepada Suruhanjaya tadi, maka sifat-sifat seperti berikut adalah diutarakan. Pertama: kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugas seorang pegawai itu dan yang

kedua sifat-sifat peribadi, sifat-sifat kewibawaan termasuk keutuhan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

Mengenai soal tukar-menukar pula, ini soal lain. Ini adalah terletak di bawah arahan Ketua Polis Negara (IGP) dan soal tukar-menukar ini tergantung di atas beberapa sebab termasuk, umpamanya, kepentingan perkhidmatan di mana pengalaman seseorang pegawai itu dikehendaki atau untuk membaiki lagi pemerintahan dan kawalan di mana pegawai yang telah lama di situ dirasakan elok ditukarkan daripada tempat itu atau juga mengikut kesesuaian seseorang pegawai untuk diberi peluang mendapat pengalaman baru. Jadi dengan itu soal kenaikan pangkat dengan soal tukar-menukar ini tidak adalah berkaitan seperti yang dikatakan iaitu memperkecil-kecilkan sesiapa tetapi sebaliknya ialah untuk kepentingan perkhidmatan dan kepentingan pegawai itu sendiri.

BAHAN ASLI DI TELUK THAILAND

6. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan bahawa suatu memorandum persefahaman untuk menubuhkan kuasa bersama bagi mengeksploitasi bahan-bahan asli di pelantar benua di antara kedua-dua negara di Teluk Thailand; apakah tindakan selanjutnya yang telahpun diambil semenjak ditandatangani memorandum itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Memorandum Persefahaman di antara Malaysia dengan Thailand telah ditandatangani pada 21hb Februari, 1979 mengenai penubuhan sesuatu Pihakberkuasa Bersama (Joint Authority) untuk mengusaha dan menghasilkan bahan-bahan dasarlaut di pelantar benua kedua-dua negara di Teluk Thailand.

Semenjak ditandatangani Memorandum ini, Kerajaan telah melantik sebuah Jawatankuasa Perlaksanaan Peringkat Pegawai bagi merundingkan perkara-perkara yang berhubung dengan susunan organisasi dan perlembagaan Pihakberkuasa Bersama itu dengan pegawai-pegawai Kerajaan Thailand. Pegawai-pegawai kedua buah negeri itu sedang mengadakan mesyuarat-mesyuarat awal untuk tujuan itu.

KURSUS PENGAJIAN ISLAM DI UNIVERSITI MALAYA

7. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Pelajaran menerangkan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan Kursus Pengajian Islam yang dijalankan di Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya itu sebagai "Teaching Subjects" di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dengan tujuan menambahkan bilangan guru-guru agama yang berijazah di sekolah-sekolah.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Kursus Pengajian Islam, Universiti Malaya itu sebagai "teaching subjects" di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Ini ialah disebabkan bahawa peranan Jabatan Pengajian Islam di Universiti Malaya yang ada sekarang itu ialah bagi mengeluarkan para graduan untuk perkhidmatan-perkhidmatan am dan bukan bagi memberi latihan guru agama.

Bagi keperluan guru agama di negara ini, Kerajaan telahpun melancarkan rancangan-rancangan latihan guru agama di beberapa peringkat dan semua rancangan-rancangan ini telahpun dapat memenuhi keperluan perguruan agama. Di antara rancangan-rancangan itu ialah:

- (1) Pengambilan guru-guru agama daripada para graduan Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan.
- (2) Pengambilan guru-guru agama daripada para graduan universiti-universiti luar negeri seperti Mesir setelah mereka memenuhi syarat-syarat biasa.
- (3) Latihan guru agama di Maktab Perguruan Islam.

KEDAULATAN BAHASA MALAYSIA

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sesudah negara kita mencapai kemerdekaan selama 22 tahun dan Bahasa Malaysia dikanunkan di dalam perlembagaan sebagai bahasa rasmi negara, tetapi masih banyak lagi pemimpin-pemimpin dan orang-orang kenamaan menyampaikan ucapan-ucapan perasmian dan mesyuarat-mesyuarat Kerajaan di dalam negara ini dalam Bahasa Inggeris, jika ya, adakah Kerajaan akan bertindak tegas dan segera dengan

mengeluarkan arahan kepada semua pihak yang berkenaan bagi mengekalkan kedaulatan Bahasa Malaysia kita yang tercinta.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar ada beberapa orang pemimpin dan orang-orang kenamaan yang menyampaikan ucapan-ucapan perasmian dan mesyuarat-mesyuarat Kerajaan di dalam negara ini dalam Bahasa Inggeris. Bagaimanapun ucapan ini dilakukan memandangkan kepada peserta-peserta di dalam sesuatu upacara perasmian atau mesyuarat berkenaan yang diadakan di negara ini yang terdiri daripada orang-orang negara luar yang tidak mengerti Bahasa Malaysia.

Walau bagaimanapun Kerajaan telahpun mengeluarkan arahan kepada semua pihak bagi menggunakan Bahasa Malaysia sejak termaktubnya Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan juga di dalam beberapa Pekeliling Am yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh pihak Kerajaan.

Tuan Alias bin Mohd. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa di dalam mesyuarat-mesyuarat tertutup di peringkat pegawai juga kadangkadang bahasa Inggeris digunakan dengan seluas-luasnya bukan sahaja oleh anggota-anggota yang menghadiri mesyuarat itu tetapi juga oleh orang yang mempengerusikan mesyuarat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana kalau tertutup, boleh tahu di luar (*Ketawa*). Baik, sila.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Saya fikir Tuan Yang di-Pertua sudah menjawab bagi pihak

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak menjawab bagi pihak Menteri—tidak. (*Ketawa*)

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Soal mesyuarat yang tertutup di mana ada pihak-pihak yang berkenaan bercakap dalam bahasa Inggeris, saya percaya ada berlaku di mana pihak yang mengambil bahagian itu suka bercakap di antara satu sama lain dalam bahasa Inggeris tetapi dari segi Kerajaan, minit-minit pun memang diadakan

dalam Bahasa Malaysia. Jadi pada rasminya, pada zahirnya mesyuarat itu dilakukan dalam bahasa Malaysia.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa dalam Dewan inipun tidak kesemua Ahli-ahli Dewan menggunakan Bahasa Malaysia dalam masa memberikan hujah-hujah mereka. Saya ingin bertanya apakah rancangan beliau untuk menasihatkan supaya kesemua sekali Ahli-ahli Dewan kita dapat menggunakan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dalam Dewan ini hanya seorang sahaja Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang bercakap dalam bahasa Inggeris, lain semua bercakap dalam Bahasa Malaysia. Itu tidak payah Yang Berhormat jawab.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa kadang-kadang terpaksa digunakan bahasa Inggeris kerana keperluan orang-orang asing. Saya ingin bertanya adakah dengan penggunaan yang demikian rupa boleh menjejaskan keutuhan atau kewibawaan Bahasa Malaysia sendiri?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tidak.

Tuan Alias bin Mohd. Ali: Saya ingin bertanya sekali lagi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam jawapannya tadi mengatakan ada Ahli-ahli yang bercakap dalam bahasa Inggeris kerana lebih senang mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi yang tertutup tetapi minitnya ditulis dalam Bahasa Malaysia. Apakah Yang Berhormat itu sedar bahawa perbuatan ini seolah-olah mempermainkan status Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negeri ini dan saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang diambil, langkah disciplinary action yang diambil terhadap orang-orang yang bersikap seperti ini.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di antara saya dengan Ahli Yang Berhormat itupun kadangkadang kala kita bercakap juga dalam

bahasa Inggeris. Saya fikir ini tidaklah menunjukkan bahawa ini tidak menghormati bahasa kebangsaan.

RANCANGAN TV DALAM BAHASA CHINA/TAMIL

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah positif hingga kini telah diambil untuk memperbaiki rancangan-rancangan Televisyen Malaysia di dalam Bahasa China dan Tamil dan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memperdagangkan (commercialising) rancangan-rancangan TV sebagai suatu cara memperbaiki kandungan Televisyen.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah positif yang diambil bagi memperbaiki rancangan-rancangan TV dalam Bahasa China dan Tamil ialah:

- (i) mendapatkan filem-filem cereka (feature) yang boleh memuaskan selera penonton tanpa menjejaskan kepentingan negara dan bangsa khususnya dari segi perpaduan, keselamatan dan untuk mencapai cita-cita Rukunegara;
- (ii) meninggikan mutu persembahan rancangan-rancangan terbitan tempatan;
- (iii) menambahkan masa siaran berita pembangunan rakyat dan negara.

Masalah memperdagangkan (commercialising) rancangan-rancangan TV dalam bentuk tajaan adalah satu cara untuk memperbaiki persembahan TV Malaysia baik dari segi rancangan-rancangan tempatan mahupun dari segi rancangan-rancangan daripada luar negeri. Perkara ini telahpun dijalankan oleh RTM semenjak beberapa ketika bagi rancangan-rancangan tertentu. Rancangan-rancangan yang ditaja oleh pihak swasta kebanyakannya terdiri daripada rancangan-rancangan sukan seperti bola sepak dan tinju dan juga rancangan hiburan seperti bintang RTM. Keadaan ini berlaku kerana jumlah dan keupayaan syarikat swasta yang bersedia menjadi penaja bagi rancangan-rancangan yang diwujudkan oleh RTM adalah terbatas. Ini telah beberapa kali menimbulkan kesulitan di dalam usaha RTM memperbaiki persembahan-persembahannya dari masa ke semasa. Namun begitu usaha sedang dibuat hari ini untuk menjadikan beberapa rancangan-rancangan

yang popular sebagai rancangan-rancangan tajaan agar kandungan-kandungan rancangan-rancangan itu akan lebih menarik dan dapat memuaskan selera penonton berbagai kaum di negara ini. Di dalam mengadakan rancangan-rancangan tajaan ini RTM akan mengambil kira kepentingan para penonton agar tidak terlalu bosan kerana gangguan daripada iklan-iklan yang agak keterlaluan sambil menjamin bahawa RTM sebagai media Kerajaan akan terus mengekalkan identitinya.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa tiga langkah telah diambil untuk memperbaiki rancangan Bahasa China dan Bahasa India dalam RTM. Di sini saya suka bertanya sama ada pihak yang berkenaan bercadang untuk menayangkan program Peristiwa di dalam bahasa yang lain selain daripada Bahasa Malaysia.

Yang kedua, saya mendapat tahu bahawa filem China hanya ditayangkan dua kali seminggu dan saya suka mendapat tahu sama ada pihak Kementerian berkenaan dapat menambah supaya rakyat Tionghua boleh mendapat kemudahan yang lebih untuk melihat filem China ini.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tiada rancangan bagi mengadakan rancangan Peristiwa di dalam bahasa-bahasa yang lain tetapi bagi kepentingan masyarakat lain untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang usaha-usaha pembangunan negara dan rakyat maka berita Pembangunan telahpun diwujudkan selepas daripada Berita Bahasa Tamil dan Bahasa China sekali sebulan sekarang. Kita harap dengan cara itu bahawa masyarakat daripada keturunan China dan Tamil akan dapat lebih mengetahui tentang usaha-usaha pembangunan yang sedang dijalankan pada hari ini.

Mengenai masalah mengadakan tayangan filem China dengan lebih banyak lagi melalui TV Malaysia, suka saya menyatakan pada hari ini kita dapati bahawa $1\frac{1}{2}$ slot filem dalam Bahasa China dan $1\frac{1}{2}$ slot filem dalam bahasa Tamil adalah memadai memandangkan keadaan yang ada pada RTM pada hari ini, malahan filem dalam Bahasa China dan Bahasa Tamil ini adalah melebihi daripada filem yang ditayangkan dalam Bahasa Malaysia sendiri di mana di dalam Bahasa Malaysia hanya ada satu filem

sahaja seminggu tetapi bahasa Tamil dan China telahpun ada 1½ filem pada tiap-tiap minggu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat satu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa hari Deepavali pada 20hb Oktober yang akan datang ini merupakan satu hari-*raya* penganut agama Hindu dan semua rakyat ada menghormati kebudayaan dia sendiri. Bolehkah diadakan program atau rancangan TV dan Radio yang penuh di dalam Bahasa Tamil pada 20hb itu.

Yang kedua, adakah rancangan Kerajaan standard jika RTM tidak sampaikan macam di lain-lain negeri, fasal yang lebih politik dilaporkan melalui RTM seperti meeting Barisan Nasional ada juga program di dalam TV tetapi bagi Parti Pembangkang tidak ada. Bolehkah Kerajaan membawa satu rancangan yang mana diadakan forum macam budget ataupun rancangan ekonomi, panggil ahli-ahli Parti Pembangkang bersama orang-orang lain yang bebas menyertai forum tersebut supaya boleh diterangkan rancangan-rancangan Kerajaan dan rancangan parti-parti politik di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang nombor dua itu tidak kena mengena, soal ini mengenai bahasa. Soal yang pertama itu bolehlah tentang Deepavali.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dapat memahami soalan Yang Berhormat yang pertama tadi ini seolah-olah kita hendak menjadikan TV dan Radio pada hari itu seolah-olah TV dan Radio yang terdapat di India sedangkan di India sendiri siaran radionya tidak semua di dalam Bahasa Tamil ataupun Tamil kurang sekali. Bahasa Inggeris pun banyak. Jadi jikalau cadangan daripada Ahli Yang Berhormat supaya pada 20hb iaitu Deepavali itu seluruh rancangan Radio dan TV hendak diadakan, diisi penuh dengan siaran di dalam Bahasa Tamil, saya minta maaf, ini tidak dapat dilakukan sebab kita jangan lupa bahawa hari Deepavali itu telahpun menjadi satu Hari Perayaan Kebangsaan kita bagi dirayakan oleh semua kaum di dalam negara ini.

Kalau Ahli Yang Berhormat hendakkan hari Deepavali itu untuk kaum India sahaja itu saya serahkan kepada Ahli Yang Berhormat, tetapi sebagai satu Perayaan kebang-

saan melalui mana kita dapat mengujudkan silatulrahim dan perpaduan di antara satu sama lain maka siaran TV dan Radio pada hari itu kita akan mengadakan rancangan khas Radio dan TV pada hari itu dengan tujuan bukan sahaja untuk membolehkan rakyat keturunan India di dalam negara ini dapat merayakan hari Deepavali itu dengan gembiranya, kita harapkan siaran-siaran Radio dan TV pada hari itu yang akan diadakan khas akan dapat jua dinikmati oleh rakyat dari keturunan lain di dalam negara ini.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, TV akan memulakan siarannya pada pukul 10 pagi sehingga larut malam khas untuk rancangan Deepavali dan ada beberapa rancangan tertentu telahpun disediakan bagi keperluan rakyat keturunan India yang merayakan hari Deepavali dan juga bagi rakyat keturunan lain.

Itu bagi rancangan Rangkaian Pertama dan bagi Rangkaian Kedua kita jua akan memulakan siarannya pada pukul 3 petang dan akan dapat satu filem India. Dan kita harap TV akan dapat menayangkan sebahagian besar daripada rancangan Deepavali itu di dalam bentuk warna dan demikian juga rancangan-rancangan khas telahpun disusun untuk radio.

Mengenai soalan ketiga tadi, kita telah mengujudkan suatu rancangan baru melalui TV iaitu rancangan mengenai "Hal Ehwal Semasa" yang akan membincangkan masalah-masalah semasa terutama mengenai problem-problem yang dihadapi oleh negara dan rakyat pada hari ini. Kita telah mulakan rancangan itu pada bulan yang lalu dan kita harapkan rancangan "Hal Ehwal Semasa" yang kita adakan sebulan sekali mengikut kemampuan yang ada dan jika dirasakan perlu pada masa-masa hadapan kita akan menambahkan lagi rancangan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Rancangan TV dalam Bahasa China tidak dinikmati oleh penonton-penonton di Sabah dan Sarawak. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bila pihak yang berkenaan hendak memulakan program-program di dalam Bahasa China tetap yang boleh dinikmati oleh penonton-penonton di Sabah dan Sarawak.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan pada hari ini rakyat di Sabah dan Sarawak tidak sama sekali melihat rancangan-rancangan yang mana ada unsur kecinaan di dalamnya, ini tidak betul saya fikir. Di dalam rancangan hiburan yang diadakan pada hari ini ada nyanyian-nyanyian dan tarian-tarian daripada keturunan Cina. Tetapi untuk mengadakan rancangan khusus di dalam bahasa Cina untuk Sabah dan Sarawak, ini satu masalah yang lain dan masalah ini ada kaitannya dengan kemudahan-kemudahan daripada TV sendiri dan sudah tentu apabila kemudahan-kemudahan itu dapat kita baiki maka kita akan menambahkan lagi rancangan-rancangan yang boleh memuaskan penonton-penonton di Sabah dan Sarawak. Saya akui bahawa pada hari ini kemampuan TV di negeri Sabah dan Sarawak masih lagi belum mencukupi dan kita sedang merancang bagi mengimbangkan kemudahan TV di Sabah dan Sarawak dan juga di negeri-negeri di Semenanjung.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa beberapa rancangan telahpun di dalam senarai Kementerian untuk ditayangkan termasuk feature film dan lain-lain. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian akan menayang semula seperti beberapa tahun dahulu drama tempatan dalam bahasa Tamil dan juga bolehkah Kementerian Penerangan cuba menambahkan satu drama 100% dalam bahasa Cina dengan latar belakang Malaysia.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara pertama, perkara ini belum kita kaji walaupun dahulu telah ada tetapi ada masalah yang telah timbul dan kita perlu mengkaji masalah ini dan kalau dirasakan kemudahan-kemudahan yang ada pada RTM ini dapat ditambah lagi, jangan lupa pada hari ini kita hendak mewarnakan sistem yang ada dan kita sekarang sedang menumpukan masa kita bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan iaitu siaran warna ini maka sesudah itu nanti dapat diadakan barulah kita dapat menimbangkan perkara-perkara sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai perkara drama di dalam bahasa Cina sukacita saya memaklumkan pada hari ini telahpun ada rancangan "Empat Sekawan" yang berbentuk drama dan juga

rancangan "Keluarga". Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak sempat melihat kedua-dua rancangan ini ataupun tidak mempunyai TV. Kalau belum, cuba beli! (*Ketawa*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa 20 tahun lagi barangkali jenerasi yang ada sekarang yang tidak tahu bahasa Malaysia akan luput daripada bumi Malaysia ini, pada masa itu penonton-penonton TV dan pendengar-pendengar radio ialah terdiri daripada anak-anak muda yang sekarang menduduki bangku sekolah berdasarkan sistem pelajaran baru yang akan sepenuhnya fasih dalam bahasa Malaysia.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau bermaksud hendak mengadakan satu perancangan jangka panjang, misalnya dalam masa 20 tahun yang akan datang bahasa Malaysia sahajalah yang akan digunakan di dalam TV dan Radio bagi perkhidmatan di dalam negeri.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjangkau sebegitu jauh 20 tahun akan datang apa akan berlaku kerana mungkin saya pun tidak sampai setakat itu. Tetapi dari segi dasar yang ada memanglah menjadi matlamat daripada RTM untuk membantu di dalam meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia ini kerana Bahasa Malaysia itu sebagai satu alat perpaduan yang penting untuk negara dan bangsa. Tetapi dari segi yang lain, RTM juga mempunyai matlamat mengadakan rancangan-rancangan pada akhirnya nanti 60% berbentuk rancangan tempatan dan 40% rancangan luar negeri. Dan apakah kita perlu menggunakan satu bahasa sahaja dalam semua rancangan baik rancangan tempatan atau rancangan yang dibawa masuk dari luar negeri, ini adalah satu perkara yang perlu kita fikirkan dengan sedalam-dalamnya dari segi baik dan buruknya dan saya fikir perkara ini kita perlu fikir apabila sampai masanya; tetapi untuk setakat ini, penggunaan berbagai bahasa melalui kandungan rancangannya yang ada akan terus kita jalankan dan bagi rancangan-rancangan tempatan sudah tentu sebahagian besarnya setakat ini akan terus kita jalankan dalam Bahasa Malaysia dan kita akan tingkatkan lagi penggunaan bahasa itu mengikut keadaan dan perkembangan yang akan berlaku daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

UNDANG-UNDANG MENCEGAH RASUAH

10. Tuan Chan Tek Chan minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil untuk meminda undang-undang anti-korapsi yang ada sekarang supaya pegawai-pegawai Kerajaan atau politikus-politikus seperti menteri, timbalan menteri, menteri besar/ketua menteri, setiausaha parlimen, ahli parlimen dan ahli exco dan ahli dewan undangan negeri dapat dihukum dan dirampaskan harta-bendanya jika mereka tak dapat menjelaskan di mana terkumpulnya harta-bendanya atau cara kehidupannya tidak sepadan dengan sumber pendapatannya, jika tidak, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah positif telah diambil bagi menimbangkan sama ada patut atau tidak dipinda Undang-undang Mencegah Rasuah untuk diberi kuasa seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Memandang kepada segenap segi adalah didapati masanya belum sampai lagi untuk mengujudkan kuasa seperti yang tersebut itu. Bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa di bawah Ordinan No. 22 Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970 sudah ada satu peruntukan yang membolehkan pihak berkuasa dengan perintah mahkamah merampas harta benda kepunyaan seseorang yang didapati berasuah walaupun pendakwaan tidak dijalankan terhadap orang itu.

Satu perkara penting ialah bagi mereka yang mempunyai maklumat mengenai perbuatan rasuah supaya tampil kedepan dan membantu pihak berkuasa menghukumkan mereka yang terlibat itu. Kerajaan memberi jaminan akan membawa kemuka pengadilan sesiapa jua yang terlibat dengan rasuah dengan tidak mengira pangkat atau kedudukan seseorang itu.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan kelemahan Akta Pencegahan Rasuah yang ada di Malaysia hari ini, tadi satu jaminan telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri maka bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah tindakan akan dan telah diambil oleh BSN untuk menyiasat satu laporan yang saya ada kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang pada 15hb Jun di mana saya ada menuduh bekas Ketua Menteri dan

beberapa orang Exco Negeri Melaka yang telah mengumpulkan melebihi \$35 juta sepertimana yang dicerminkan dalam tanah 4,002 ekar di bawah kawalan Gabima Sdn. Bhd. Laporan ini telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan BSN, maka apakah tindakan akan diambil terhadap kes-kes serupa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia menjawab kerana ini perkara khusus dengan tidak ada notis terlebih dahulu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya Yang Berhormat itu menghantar notis yang lain.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, dalam BSN mengadakan penyisatan-penyiasatan, adakah sebarang dakwaan sama ada berasas ataupun tidak mesti disiasat dan setelah dakwaan-dakwaan tersebut disiasat, apakah ianya mesti diberitahu kepada pemaklum yang asal?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada satu-satu siasatan dijalankan tuduhan ataupun dakwaan itu hendaklah berasas dan setelah pendakwaan dijalankan hasil didapati tidaklah mustahak pemaklum itu diberitahu.

Tuan Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri Undang-undang telah menyatakan bahawa Kerajaan tidak dapat meminda akan Undang-undang Mencegah Rasuah setelah ditimbang dari segenap segi, bolehkah Timbalan Menteri itu menghuraikan di Dewan ini, apakah yang beliau maksudkan dengan ditimbangkan dari segenap segi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan jawapan atas soalan tambahan ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi sekiranya dimasukkan di dalam Undang-undang sekarang terlalu menyusahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Yang keduanya, perbuatan rasuah di dalam negara kita tidaklah berluas-luas. Yang ketiganya kuasa yang sudah pun ada di bawah Undang-undang Darurat Kuasa-kuasa Perlu 1970 didapati sudah mencukupi buat masa ini.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah atau pernahkah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri atau seseorang pegawai atau politikus telah dihukum dan harta bendanya telah dirampas kerana cara mengumpulkan harta benda melalui cara korapsi dan salahguna kuasa, pernahkah ini menjadi satu kes di Malaysia.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jawabnya, ada.

TANAH LOMBONG RUNTUH

11. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah kes tanah lombong runtuh yang berlaku setakat ini dan berapa pula nyawa yang terkorban dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini iaitu bagi tahun 1979 sebanyak 13 keruntuhan tanah telah berlaku yang telah mengakibatkan 13 nyawa terkorban dan seorang cedera parah. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah keruntuhan tanah khususnya dan keadaan keselamatan di lombong-lombong amnya ialah:

- (i) Mengadakan ceramah-ceramah keselamatan di lombong-lombong.
- (ii) Mengedarkan poster-poster yang menunjukkan cara memperbaiki kadar keselamatan kepada semua lombong.
- (iii) Meneruskan dan mempergiatkan lagi pemeriksaan teliti ke atas lombong-lombong oleh pegawai-pegawai Jabatan Galian supaya punca-punca bahaya, jika ada, dapat dikesan dan mengambil tindakan secepat mungkin bagi membetulkannya.
- (iv) Mengenakan kawalan-kawalan yang lebih ketat ke atas operasi lombong-lombong.
- (v) Mengadakan penyelidikan ke atas suatu sistem yang diharap boleh memberi amaran dengan kadar awal kepada semua pekerja-pekerja lombong jika terdapat perubahan keadaan tanah yang dianggap bahaya.

(vi) Mengulangkaji undang-undang berkaitan dengan keselamatan lombong.

Di sini sukalah saya ulangi seruan bahawa kejayaan usaha-usaha Kerajaan untuk menentukan serta menjaga taraf keselamatan yang tinggi di lombong-lombong bergantung kepada kerjasama dan persefahaman yang berterusan di antara semua pihak yang terlibat iaitu pengurusan, pengusaha, pekerja-pekerja lombong dan pegawai-pegawai penguatkuasa.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara langkah-langkah untuk menjaga keselamatan ataupun kebajikan pelombong-pelombong sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ialah membuat penyelidikan tentang satu sistem. Saya ingin tahu apakah jenis sistem itu dan bilakah akan dilaksanakan untuk menjaga kebajikan pelombong-pelombong di negara ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem atau cara keselamatan yang saya cakapkan tadi adalah cara-cara yang sekarang ini sedang dikaji atau diteliti oleh Instituti Penyelidikan Galian kita di Ipoh dan di antaranya yang diselidiki ataupun yang sedang dikaji bagi menyumbang ke arah keselamatan yang lebih tinggi di lombong-lombong ialah pertama kita panggil automatic monitor, iaitu pemancut air dibuat di gravel pump tanpa menggunakan tenaga manusia, iaitu secara remote control. Dengan ini maka pemancutan air ke tanah-tanah yang merbahaya ataupun yang mempunyai curam yang tinggi boleh dibuat tanpa operator on the spot.

Yang kedua ialah early warning system, iaitu satu sistem amaran awal yang sedang dikaji, iaitu dengan meletakkan beberapa alat (gadgets) di setengah-setengah tempat yang merbahaya di kawasan perlombongan itu dan apabila berlaku perubahan, misalnya dari segi sloping ataupun lain-lain keadaan tanah maka dengan sendiri sahaja satu amaran awal akan diberikan kepada pekerja-pekerja dan pihak pengurus di situ bagi mengelakkan ataupun bagi membolehkan mereka mengambil tindakan-tindakan segera bagi mengelakkan kemalangan-kemalangan jiwa.

Adalah dijangka pada awal tahun lapan puluhan, penyelidikan dan pengkajian yang dibuat oleh Instituti Penyelidikan Galian kita di Ipoh itu akan dapat digunakan seluas-luasnya oleh operator lombong-lombong kita.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada benar bahawa sebab-sebab utama berlakunya tanah-tanah lombong runtuh adalah kerana pemeriksaan, pengawalan dan penyeliaan oleh Merinyu-merinyu Galian yang tidak mencukupi dan tidak rapat? Kalau ini benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap Merinyu-merinyu Galian yang bertanggungjawab di kawasan-kawasan tertentu di mana didapati mereka tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan, khususnya di negeri Perak?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang tepat kerana tugas utama Pegawai-pegawai Merinyu Jabatan Galian ialah bagi menasihati setiap pelombong-pelombong bagi mengambil tindakan yang sesuai bagi mengelakkan sebarang kecelakaan atau kemalangan yang berlaku di lombong-lombong.

Setakat pengetahuan Kementerian saya, Pegawai-pegawai Merinyu daripada Jabatan Galian telahpun menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka dengan baik setakat ini dan kalau adapun berlaku kemalangan-kemalangan sebagaimana yang telah dinyatakan tadi adalah kemalangan-kemalangan yang sebahagian besarnya adalah diluar kemampuan kita untuk mengelakkan. Misalnya perkara ini berlaku setelah hujan yang luar biasa yang berlaku begitu panjang, kadang-kadang pekerja-pekerja juga kurang cermat dari segi ketika menjalankan tugas mereka dan sebagainya dan perkara-perkara ini tentulah di luar bidang kuasa dan tanggungjawab, kesanggupan dan kemampuan pegawai-pegawai kita untuk memastikan bahawa kemalangan tidak berlaku kepada mereka. Bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat itu fikir ada pegawai-pegawai yang macam ini, maka saya rasa pegawai-pegawai berkenaan boleh diberitahu kepada saya ataupun Kementerian saya dan kalau sabit pegawai ini boleh kita lihat dan kita tinjau tindakan yang sesuai bagi mereka yang berkenaan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin setelah didapati 17 lombong yang runtuh yang mengakibatkan 17 nyawa sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sekejap tadi tentu penyiasatan-penyiasatan dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya ingin tahu adakah setelah dibuat penyiasatan tersebut terdapat salah satu sebabnya hasil daripada kecuaiian pihak-pihak tuannya lombong dan kalau ada, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap tuannya lombong yang berkenaan?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kadar kemalangan atau keruntuhan yang berlaku iaitu 13 pada tahun ini adalah kadar yang paling rendah kalau kita ambil perhitungan sejak tahun 1965. Walau bagaimanapun, seperti mana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang ada setelah menjalankan penyelidikan kita dapati bahawa kecuaiian-kecuaiian telah berlaku di pihak mereka yang menjalankan operasi-operasi lombong ini. Jadi, bila kita dapat bukti-bukti yang berkenaan, pendakwaan telah dibuat dan mereka yang bersalah dalam perkara ini telahpun diambil tindakan.

Saya suka menyebutkan daripada tahun 1975 misalnya 97 orang telah didakwa dan 91 telahpun didenda. Tahun 1976—65 didakwa dan 62 didenda. Tahun 1977—45 didakwa dan 39 didenda. Tahun 1978 (hingga bulan Jun)—21 didakwa dan 17 telahpun didenda. Angka-angka yang terakhir saya belum dapat lagi mengemukakan.

LAWATAN NAIB PRESIDEN YUGOSLAVIA

12. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan hasil perbincangan yang diadakan antara beliau dan Timbalan Presiden Yugoslavia semasa lawatannya ke negara ini dalam bulan Julai yang lalu dan sama ada beliau bercadang hendak membuat lawatan balas ke negara tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Naib Presiden Yugoslavia, Tuan Yang Terutama Fadilj Hodza ke negara ini pada 2hb hingga 5hb Julai yang lalu, saya telah mengadakan perbincangan

dengannya dan di antara perkara-perkara yang disentuh dalam perbincangan itu adalah seperti berikut:

- (a) Mengenai hubungan dua-hala, pemimpin Yugoslavia itu menyatakan keinginan negaranya untuk meluaskan lagi hubungan perdagangan dengan Malaysia, dan ini adalah termasuk juga perdagangan bahan-bahan lain selain daripada bijih timah, getah dan minyak kelapa sawit. Selain daripada itu, saya juga menyatakan persediaan kita untuk menerima lebih banyak bantuan saintifik dan teknikal daripada Yugoslavia di bidang perkapalan, pembinaan dan kejuruteraan awam.
- (b) Mengenai hal-hal di rantau ini pula, Yugoslavia dan Malaysia menyatakan kebimbangan bersama terhadap ketegangan dan ketidak stabilan kedudukan Tenggara Asia yang berterusan, dan menyeru agar tentera-tentera asing berundur daripada kawasan tersebut untuk membolehkan rakyat negara-negara yang terlibat menentukan kemerdekaan mereka.
- (c) Saya juga mengambil peluang untuk menerangkan kebimbangan kita terhadap pendatang-pendatang haram Vietnam ke Malaysia, dan menjelaskan dasar Malaysia untuk membendung masalah ini.
- (d) Dalam perbincangan tersebut, perhatian penting telah diberi kepada persiapan-persiapan untuk Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali yang diadakan di Havana. Dalam hal ini, kedua-dua buah negara mempunyai pandangan yang sama terhadap Pergerakan Berkecuali. Malaysia dan Yugoslavia telah bersetuju untuk bekerjasama bagi menentang segala percubaan yang hendak menukarkan sikap asas dan tujuan pergerakan itu.

Naib Presiden Yugoslavia itu, bagi pihak Kerajaannya, telah menjemput saya untuk melawat Yugoslavia. Saya telah terima jemputan itu dan akan membuatnya apabila masa mengizinkan.

SIJIL WARGANEGARA MALAYSIA

13. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa bilangan permohonan bagi Sijil Warganegara

Malaysia telah dilulus semenjak 1hb Januari, 1979 dan juga berapa banyak lagi permohonan ini masih menunggu keputusan semenjak 1978 dan beri sebab-sebab mengapa permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia telah lambat selama tiga (3) tahun bagi kebanyakan permohonan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya keliru sedikit dengan soalan ini dan saya minta izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana di dalam Bahasa Malaysianya berlainan dengan maksud bahasa Inggerisnya sehingga saya tidak tahu yang mana kita hendak pakai. Cuba tengok, ". . . how many applications for Federal Citizenship have been approved since last day of January, 1979", tetapi dalam Bahasa Malaysianya ". . . . permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia telah diluluskan semenjak 1hb Januari, 1979" dan ditambah pula dengan perkataan ". . . . ini masih menunggu keputusan semenjak 1978 dan beri sebab-sebab mengapa permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia telah lambat selama tiga (3) tahun bagi kebanyakan permohonan." Dalam bahasa Inggeris ". . . . why the applications for the citizenship certificates have been held up" Jadi saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh sekali lagi Yang Berhormat betul-betul mengisikan kehendak dia dengan terang, selepas itu boleh saya jawab statistik ini dengan bertulis.

Tetapi kalau soal mengapa lambat, kalau ini soalnya—mengapa lambat, saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bruas bahawa pengurniaan atau penganugerahan kewarganegaraan kepada seseorang itu bukanlah hak yang boleh dituntut tetapi ini adalah satu privilege atau satu kehormatan yang diberi kepada mereka yang memohon. Oleh yang demikian adalah perlu pada tiap-tiap permohonan itu dikaji dengan teliti untuk menentukan bahawa si pemohon itu benar-benar mempunyai taat-setia kepada negara dan juga pemohon itu memanfaatkan negara. Lagi pula saya ingatkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau ditolak pun bukan bermakna ini muktamad tetapi boleh pula diminta pada kemudian hari.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun kewarganegaraan satu

privilege dan bukan satu hak untuk si pemohon, tetapi ini tidak bererti bahawa pihak Kementerian ada hak untuk

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun kerakyatan satu privilege dan bukan satu hak, kenyataan ini tidak memberi hak kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melambatkan atau melewatkan proses permohonan sehingga sembilan atau sepuluh tahun. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kelewatan dan kelambatan semacam ini sebenarnya satu jenis mal-administration?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap hak rakyat, kita bercakap juga hak Kerajaan. Yang kita sebut tadi adalah hak Kerajaan menentukan bila-bila dia hendak beri itu hak Kerajaan dan mereka yang memohon tidak berhak. Itu maksud saya tadi, bila-bila kalau 10 tahun, 12 tahun, 200 tahun pun.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 14 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

BADAN-BADAN DAKWAH— PENYELARASAN

14. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu Persidangan Pemimpin Ugama dan Badan-badan Dakwah bagi menyatukan/menyelaraskan cara-cara berdakwah yang lebih berkesan lagi di seluruh Malaysia.

Menteri Tak Berpoffolio (Dato' Haji Mohamad bin Nasir): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya badan untuk menyelaraskan kegiatan dakwah di negara ini sudah pun diwujudkan iaitu Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Yayasan Dakwah Islamiah telah diberi tugas menyelaraskan segala kegiatan dakwah di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Satu daripada aktiviti-aktiviti yang telah diadakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah, Malaysia, dalam usaha

penyelarasan ini ialah mengadakan Bulan Dakwah pada tahun yang lalu. Satu daripada hasil bulan Dakwah adalah tentang cadangan penubuhan sebuah Majlis bagi menyelaraskan dan meningkatkan lagi kegiatan dan penyelarasan dakwah di negara ini. Oleh yang demikian, persidangan Badan-badan Dakwah bagi menyatu/menyelaraskan cara berdakwah yang lebih berkesan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan jika difikirkan perlu.

PEGAWAI-PEGAWAI DI PEJABAT BELIA DAERAH

15. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian mahu menambah pegawai dan kakitangan di berbagai-bagai pejabat-pejabat belia daerah bagi melicinkan pelaksanaan projek-projek belia setempat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Kementerian saya memang bercadang hendak menambah pegawai dan kakitangan di Pejabat-pejabat Belia di daerah-daerah.

SISTEM NAIK DARJAH SECARA OTOMATIK

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran Kebangsaan akan memperbetulkan pelajaran pada masa sekarang yang khusus mengenai peperiksaan naik darjah tiap-tiap tahun sebagai perkara utama yang boleh menilai kebolehan murid-murid daripada amalan sistem naik darjah secara automatik yang menyebabkan murid-murid menjadi malas, kurang mentelaah pelajarannya, akhirnya ia terus ke Tingkatan Tiga tanpa penentuan peperiksaan yang wajib seperti sebelum pelaksanaan Dasar Pelajaran Razak, dan adakah beliau akan mengkaji semula matapelajaran yang kurang mustahak dikurangkan, sebaliknya menitikberatkan mata-pelajaran English, Sains dan Ilmu Hisab. Jika tidak, mengapa.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya tidak bercadang untuk menukarkan sistem naik darjah secara automatik seperti yang berjalan sekarang. Walau bagaimanapun langkah-langkah sedang disusun menerusi program-program pengajaran pemulihan yang

khusus bertujuan untuk memperkukuhkan sistem naik darjah secara automatik serta mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat.

Berhubung dengan soal memberi penekanan yang lebih kepada matapelajaran-matapelajaran penting dalam kurikulum sekolah, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian saya, memang sentiasa berusaha untuk mempertimbangkan isi kandungan pelajaran yang disampaikan di sekolah-sekolah. Sungguhpun ada setengah-setengah matapelajaran dianggap kurang penting tetapi pengajaran matapelajaran-matapelajaran ini tidak boleh ditinggalkan sama sekali. Untuk matapelajaran ini hanya diberi pendedahan sahaja dan tidak diberi tekanan sama dengan matapelajaran-matapelajaran penting. Sistem pelajaran yang kita amalkan hendaklah melahirkan individu-individu yang mempunyai peribadi yang seimbang, bertanggungjawab, berdisiplin dan dapat memainkan peranan positif dalam pembangunan negara.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (15hb. Oktober, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Waktu Dewan ini ditangguhkan semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kangar baru bercakap 8 minit. Jadi saya benarkan beliau untuk menyambung ucapannya. Sila.

3.35 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong ucapan saya petang semalam sekali lagi saya tegaskan saya sungguh-sungguh menyokong dan mengucapkan tahniah di atas Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Kerajaan, di samping itu untuk menambahkan beberapa perkara yang saya fikir perlu maka di sini saya akan syorkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah mengikut undang-undang ini semua pegawai-pegawai perkhidmatan awam dalam negara kita Malaysia telah disatukan. Maka saya berpendapat selain daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam juga pegawai-pegawai yang tidak diambil melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam patut dimaksukkan sama, kalau tidak silap saya dalam Fasal 27 mengikut pertimbangan Yang di-Pertuan Agong yang mana dapat gaji tetap. Saya contohkan pekerja-pekerja MAS yang mana mereka ini walaupun tidak masuk dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi mereka juga ditemuduga, tidak seperti di masa-masa yang lepas mengikut kelayakan-kelayakan yang tertentu seperti kebolehan dan umur. Saya berharap kalau boleh dimasukkan sama dalam Fasal 27 yakni di atas pertimbangan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini juga kalau tidak silap saya dalam Fasal 2 juga berkenaan dengan yang dapat pencen ialah di atas gaji yang akhir bila seseorang itu telah berhenti kerjanya maka gaji yang akhirnya yang mendapat pencen setengah daripada gajinya. Masih kedapatan ataupun kerana benda ini tidak dibuat lagi tetapi kalau tidak silap saya telah berjalan daripada tahun 1976 tetapi masih kedapatan dan di tempat saya sendiri ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan khasnya saya katakan salah seorang pegawai polis yang berpangkat Koprak tetapi malang beliau cuma dapat menerima pencennya mengikut gaji yang diterima di atas polis ataupun mata-mata biasa, tetapi kalau hendak diikuti apa yang didapat yang akhirnya lebih daripada itu. Perkara ini juga saya berharap kepada Menteri yang berkenaan untuk disiasat mengapakah dan dimanakah silapnya perkara ini telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan yang saya dapat tahu tentang pencen-pencen ini boleh dikatakan cukup cepat dan dengan mudah dibayar, tidak sampai memakan masa bertahun-tahun. Tetapi masih ada lagi di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang telah berpencen sampai kadang-kadang—maaf kalau tidak silap saya ada berlaku di Perlis, tempat saya sendiri, harus pegawai yang berkenaan membawa maut dengan pencen tidak dapat disebabkan silap simpan rekod pekerja yang berkenaan.

Kata satu pejabat hilang di pihak Kementerian di Kuala Lumpur, kata Kuala Lumpur tidak sampai di Kuala Lumpur iaitu hilang di pejabat Negeri. Maka akibatnya penangguhan yang diterima oleh pegawai yang berkenaan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama tahu dalam satu-satu perkhidmatan awam Kerajaan saya fikir benda ini kita dapat atasi dengan mudah kerana tiap-tiap seorang yang bekerja tadi dia ada dengan sendirinya rekod-rekod—tarikh beranak, tarikh masuk kerja dan kita tahu juga tarikh yang ianya akan tamat kerja mengikut peraturan Kerajaan kita. Saya berpendapat kalaulah satu-satu Kementerian yang didapati ada di antara pegawai-pegawainya hilang fail, tidak tetap tarikh kerja dan tidak tahu di mana pejabat, selesaikanlah sebelum satu-satu pegawai itu pencen, misalnya, dua tahun, tiga tahun lagi. Bila sahaja pegawai yang berkenaan tetap dan masuk berpencen dengan serta-merta juga dapat dibayar dan jangan berlaku sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam perkara ini juga biarlah bercakap atas maksudnya sebab perkara-perkara ini saya tidak dapat hendak tengok satu persatu. Dalam perkara pencen juga ada termasuk dalam perkara ini kalau tidak silap saya dalam Fasal 20 dan 21, seseorang itu akan terhenti pencen kalaulah seseorang itu tertakluk kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bankrap benda yang tidak baik dan tidak ada orang yang mahu bankrap. Yang orang mahu kaya, mahu senang dan sebagainya. Kalaulah satu-satu bankrap ini berlaku disebabkan katalah yang tidak dapat dielak, misalnya hutang, terkena aniaya dan sebagainya kerana kita dapati hari ini satu orang yang bankrap itu barangkali dengan kerana dia menjamin orang pun kadang-kadang pun dituntut oleh pembayar kalau tidak mahu bayar maka si penjamin tadi terpaksa dibayar. Kadang-kadang terpaksa si peminjam tadi yang tidak mahu bayar maka dia diisytiharkan bankrap oleh pihak mahkamah dan sebagainya.

Ini saya biasa dengar dan kerap kali berlaku kadang-kadang diberi notis kamu akan bankrap kalau tak bayar hutang dan yang sedihnya kamu akan diisytiharkan bankrap

kalau apa yang kamu jamin kamu tak jelaskan. Jadi alangkah sedihnya, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, saya tak sukalah juga kalau kerana kesalahan jenayah membunuh, merompak, membawa dadah dan sebagainya itu, orang seperti itu patutlah kita jel dan sebagainya. Kalau orang yang kena bankrap macam mana saya katakan tadi patutlah ditimbang semula, sudahlah dia bankrap disebabkan dia hendak berniaga misalnya tak dapat membayar, kerana sesuatu sebab perniagaannya merosot sehingga dia bankrap. Begitu juga kalau dia jamin satu orang tiba-tiba dia sudah jadi bankrap, pencennya dipotong buat kata pepatah Melayu, jatuh tangga timpa tangga. Kalau boleh pada pendapat saya hendaklah: . . .

Tuan Yang di-Pertua: Mana pula jatuh tangga timpa tangga?

Tuan Shaari bin Jusoh: Jatuh tangga timpa tangga.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jatuh ditimpa tangga.

Tuan Shaari bin Jusoh: Sudah jatuh ditimpa tangga (*Ketawa*). Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi macam mana saya katakan tadi janganlah berlaku perkara yang begitu. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan perkara yang lain, kerana sudah jatuh ditimpa tangga, saya bawa balik kepada perkara kedua tadi fasal pencen dapat setengah daripada gaji. Kalau tak silap saya pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang tamat tempohnya sebelum tahun 1976 mereka mendapat pencen tak sampai setengah gajinya. Jadi pencen itu kalau boleh saya minta pihak Kementerian berkenaan mengkaji semula supaya orang-orang itu yang telah berkhidmat masa dahulu dan tamat berkhidmat sebelum 1976 dikaji semula. Kalau boleh diberi juga setengah daripada gajinya sebab saya kata begitu, gaji mereka itu sudah tentu kita tahu mengikut keadaan kita sekarang dari satu tahun ke satu tahun telah meningkat. Kalau kita katakan seorang Kerani Besar dalam tahun 1960 gajinya \$500 tetapi hari ini boleh jadi meningkat lebih \$1,000 kerana mengikut peringkat harga barang dan sebagainya. Jadi

dengan sebab itu patut sangatlah orang-orang di masa itu gajinya pula kecil, pencen tak dapat setengah, bak kata saya tadi jatuh ditimpa tangga, sudahlah dapat gaji sedikit masa itu, pencen pun tak sampai setengah. Jadi dua kali bertambah kecil, satu sedikit sebab gaji masa itu kecil, yang kedua sedikit mengikut potongan gaji tak sampai setengah daripada gajinya. Saya harap dapat ditimbangan dan dikaji semula apa yang saya katakan itu.

Bercakap saya juga berkenaan dengan Fasal 11 yang mana boleh dipencenkan seseorang pegawai yang tak sampai umur 55 tahun demi kepentingan negara dan sebagainya. Saya yakin ini adalah suatu perkara yang amat baik, timbang rasa daripada Kerajaan suruh pegawai berpencen walaupun tak sampai 55 tahun. Boleh jadi kerana dia itu sakit ataupun boleh jadi kerana dia itu bekerja dengan tak begitu memuaskan yang merugikan Kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengadakan "Khidmat Cemerlang" dan sebagainya tetapi kadang-kadang tak berkesan. Saya perhatikan di antara pegawai-pegawai Kerajaan baik di segenap segi dan segenap jabatan sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sungguh-sungguh mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada setengah pegawai Kerajaan yang sungguh-sungguh bekerja menganggap segala kerja itu kerja dia sendiri. Saya tak payah sebutkan nama tiap-tiap pejabat, ada di antara mereka yang tak selesai kerjanya di pejabat mulai pukul 8-12.45 tengah hari dan 2.00-4.15 petang failnya dibawa balik ke rumah. Dan ada setengahnya pula pukul 8.00 pagi masuk pejabat, 7.45 sudah sampai dengan kerana hendak bekerja lagi banyak dan boleh jadi dia datang awal kerana mengelakkan traffic jam macam di Kuala Lumpur ini. Dia datang awal ada dua untung. Satu kerana jalanraya tak sesak, kedua dia boleh bekerja dengan lebih baik. Begitu juga masa balik, saya mendapat tahu ada pegawai-pegawai pukul 4.15 patut balik, pukul 5.00 pun dia tak balik kerana dua sebab tadi. Satu hendak menyelesaikan kerja yang tak selesai, kedua dia balik masa itu orang pun sudah tak begitu sibuk.

Saya mengucapkan terima kasih dan saya bersyukur dan saya yakin selain daripada mereka itu akan mendapat gaji, mereka juga akan dapat rahmat dan pahala daripada

Tuhan, kerana tiap-tiap satu kerja itu bukanlah semata-mata ibadat sembahyang sahaja, kalau niat kita bekerja dengan baik semuanya diberi pahala dan kebaikan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan ialah ada di antara pegawai-pegawai yang sungguh-sungguh cuai, kadang-kadang ada setengah orang datang ke pejabat, khususnya orang kampung, dia pandang-memandang, apatah lagi kalau yang datang itu serba selekeh, pakai baju Teluk Belanga sebagai orang kampung, mereka acuh tak acuh kepada orang itu. Yang kedua, kadang-kadang pegawai itu tak ada di pejabat, kononnya minum kopi. Kita tak hairanlah kalau dia minum kopi pukul 10.30 pagi tetapi kadang-kadang sampai pukul 12.45 minum kopi lagi. Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai-pegawai yang semacam itu. Mereka akan mengambil pencen. Saya harap kalau ada pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab macam itu patut diambil tindakan, suruh dia bersara. Kalau tidak mengakibatkan dua rugi, Tuan Yang di-Pertua. Pertama; kerana kerjanya tak dapat berjalan dengan baik. Kedua, apakah perasaan pegawai-pegawai yang bertungkus-lumus. Betullah kita tak disuruh dengki oleh Tuhan tetapi kalau dia dapat sekian gaji, kita dapat sekian gaji, dia culas, sedangkan tanggungjawab adalah bersama.

Banyak kedapatan di setengah pejabat, saya contohkan macam guru. Ada guru-guru di tempat saya yang dilaporkan oleh guru sendiri, ada guru yang datang mengajar 30hb, 1hb, 2hb dan 3hb, lepas itu dia sakit tak berhenti. Medical leave diberi suruh dia rihat, murid-murid tak dapat pelajaran. Begitu juga ada setengah guru, saya tak mahu sebut namanya, tetapi kalau Kementerian berkenaan hendak saya boleh beritahu. Dia betul-betul sakit demam kepialu, bila dia sakit hendak mengajar tak boleh, menulis tak betul dan segala tak betul. Umurnya tak sampai 40 tahun, bila dia mengajar dia hendak sebut pun tak betul, tulis tak betul. Kalau diambil tindakan oleh Guru Besar nanti dikatakan Guru Besar tak bertimbang rasa, kalau diambil tindakan oleh Pengarah Pelajaran harus dikatakan Pengarah itu tak bertimbang rasa, tetapi fikirlah kalau satu guru memegang kelas sekolah rendah yang mengandungi 30 orang murid, satu tahun kali 10 tahun 300 orang, kalau sampai 30 tahun sudah 900 orang. Ini kerana guru itu sakit, murid patut maju akan ketinggalan. Apatah lagi jika

sekolah menengah yang didapati guru cuai dan sebagainya. Begitulah setengah pejabat Kerajaan yang lain. Dengan sebab itu, untuk mengemaskan Kerajaan kita hari ini, kita mesti ambil tindakan betul-betul, tetapi Kerajaan kita ini ada kempen "Khidmat Cemerlang" dan sebagainya tetapi masih kedapatan di segenap segi dan di segenap tempat perkara itu. Dengan sebab itu, saya merayu dan berharap Kerajaan mengambil bertindak mengikut keadilan.

Pada pendapat saya yang dikatakan adil, tadi bukan yang jahat diberi benda yang baik, yang adil Tuhan sudah ajar kepada kita yang mana salah kita hukum, yang mana buat baik kita balas baik. Itu yang dikatakan adil. Dunia ini kalau yang buat jahat pun kita balas baik, buat baik pun kita balas baik juga tak kena. Adil tadi ambil tindakan mengikut peraturan yang sewajarnya dan mengikut kena pada tempatnya. Itu yang dikatakan adil. Jadi kita kena ada perasaan tetapi kalau merugikan bangsa itu saya haraplah kepada Kementerian berkenaan bertindak di tiap-tiap pejabat itu. Saya sendiri berpendapat kalau pegawai-pegawai yang kita tengok bekerja dengan penuh dedikasi dan penuh khidmat kita naikkan pangkat mereka dan beri gaji yang lebih sesuai. Rakyat tak sedih, rakyat patut bersyukur dan rakyat terima kasih kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, tetapi kalau ada pegawai-pegawai yang cuai, baik pejabat mana sekali pun ini yang kadang-kadang kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Saya yakin dan percaya pegawai Kerajaan sendiri cukup setuju kalau ada yang cuai itu patut diambil tindakan kerana jangan orang kata kerana dua tiga orang pegawai yang tidak bertanggungjawab, rakyat akan berkata pegawai Kerajaan buat kerja culas tetapi hendak gaji besar, bila hendak jumpa mereka minum kopi walhal pegawai yang begitu tak banyak, sedikit sangat, yang banyak bekerja sungguh-sungguh, tetapi seperti saya katakan tadi kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Dengan sebab itu tindakan-tindakan yang sewajarnya patutlah diambil oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pencen ini juga, kalau tak salah saya dalam perkara ke-19, satu-satu orang itu tidak boleh diserahkan lewat kerana perintah mahkamah dan sebagainya. Saya ingin tahu mahkamah ini, adakah mahkamah adat atau termasuk

Mahkamah Syariah. Begitu juga berkenaan dengan benda yang boleh dimakan oleh si mati semata-mata ditentukan kepada anak ataupun isteri, tidak termasuk kepada ibu dan bapa. Kita di Malaysia, cara orang-orang di Asia, kepada keluarga ibu bapa adalah menjadi tanggungjawab kita yang amat sangat. Kalau mengikut agama saya sudah katakan petang semalam, kalau tidak hormat kepada ibubapa walau banyak mana kita buat khairat atau kebajikan itu adalah satu dosa yang amat besar. Tetapi pada pendapat saya bagi negeri barat seperti yang saya tengok dalam wayang gambar mereka meraikan anjing-anjing lebih dari manusia. Kadang-kadang makan anjingnya pun tiap-tiap bulan sampai beratus ringgit. Kadang-kadang segan untuk membawa orang tua dalam motokarnya yang cantik, tetapi anjingnya kerap kali berada di belakang kereta. Orang-orang tua diletakkan di rumah sakit dan sebagainya. Bagi kita masyarakat di Timur baik bangsa apa sekali pun sama ada Melayu, China dan India kita adalah satu masyarakat yang meraikan keluarga kita, khasnya yang menjadikan kita iaitu ibubapa dan sebagainya. Maka dengan sebab itu saya berpendapat patutlah dimasukkan sama habuan ibubapa, janganlah semata-mata kepada anak dan isteri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya berasa sedih dalam perkara yang membatalkan seseorang itu tidak boleh menerima pencen sekiranya seorang itu balu kalau ia berkahwin. Saya sangat sedih. Satu orang kalau sudah berkahwin maka balu atau janda tadi dengan sendirinya terputus menerima pencen. Ini pada pendapat saya patut kita sesuaikan dengan keadaan Timur, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri pada petang semalam. Mengapa saya katakan begitu, kita kena kaji satu-satu orang sebagai manusia dia akan hidup dengan dua perkara, sebagai manusia ia ada nafsu zahir dan batin. Kalau seorang itu zahirnya sahaja kuat, batinnya tak kuat dia kahwin pun tak lama. Sebab itu dalam hukum nikah dan sebagainya saya fikir perkara ini menjadi titik berat. Kalau tidak silap saya, hukum cara agama, kalau silap saya dengan rendah diri dan penuh perasaan, macam tadi Tuan Yang di-Pertua tegur saya, saya ucapkan terima kasih seperti sudah jatuh ditimpa tangga, silap kata saya, begitu juga perkara yang saya akan katakan.

Dalam ugama kita, selain dari disuruh bernikah dengan orang beranak banyak, kata Nabi untuk membanyakkan umat, ia juga suruh menikah dengan anak dara kerana boleh menyukakan kita. Itu maksud hadith dan juga dia suruh kita kahwin dengan orang keturunan baik, dan orang yang berharta. Jadi dengan sebab itu kita perhatikan masyarakat kita hari ini, sudah menjadi adat orang kaya kahwin dengan orang kaya, cikgu berkahwin dengan cikgu. Kadang-kadang yang tidak menjadi cikgu cukup payah hendak memilih pasangan sedangkan dia manusia biasa. Mengapa begitu? Selain daripada kita hendakkan nafsu batin zahirnya kita hendak makan. Kalau setakat batin kita kuat, zahir kita leceh, susah. Kalau setakat zahir kuat batin tak kuat pun susah, ini ada kaitan antara satu sama lain. Saya takut, misalnya seorang menjadi balu membuat dia serba salah, kalau dia kahwin dengan sendirinya bayaran pencen itu terlucut. Orang yang hendak kahwin dengan dia juga berfikir, sebagai seorang yang kuat, tetapi dia gagah dari segi zahir dan batin. Bila dia kahwin dia terfikir: bila aku kahwin dengan si balu tadi walaupun dia balu, aku masih bujang atau teruna tak apa oleh kerana janda ini baik dan ada sedikit sebanyak mendapat pencen, aku boleh tumpang mencari makan di samping berseronok sebagai suami isteri, dia pun teringin hendak kahwin. Tetapi dengan sendirinya apabila dia kahwin janda ini terlepas kepada orang, dia tak mahu kahwin. Kalau hendak kahwin datanglah orang tua, orang yang wangnya banyak tetapi zahirnya kuat, wangnya banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi dia kahwin hendakkan pencen janda itu?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, itu tabiat manusia. Kita tidak nafikan, manusia kahwin disuruh cari harta. Kahwin dengan perempuan yang berharta adalah menjadi salah satu syarat. Betulkah tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya tumpang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini supaya rekod diperbetulkan jangan berbelit-belit.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya ingin bertanya, betulkah atau tidak, kalau tidak silap saya dalam satu hadith mengatakan salah satu syarat juga kalau ikut Nabi s.a.w. kahwin selain dari orang yang cantik orang yang berharta patut juga kita pilih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak tahu saya hadith itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Kalau tak tahu, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali Tuan Yang di-Pertua tak mahu masuk dalam perkara ini. Bila berbangkit masalah tadi yang mendukacitakan saya kita perhatikan masyarakat lain, banyak pelacuran. Ada pelacuran yang cara lacur bebas. Yang menyedihkan kita, kita biasa dengar pelacur terhormat, pelacur orang kenamaan, kadang-kadang kita biasa dengar yang melacur itu terdiri daripada isteri-isteri orang. Mengapa mereka jadi pelacur.

Tuan Yang di-Pertua: Apa ada kena mengena dengan Fasal 20 ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Sentuh bab balu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi isteri bukanlah balu (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpukan perbahasan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 36.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi berbalik kepada balu yang saya katakan tadi, kalau satu-satu orang tadi yang hendak berkahwin maka terpaksa dengan sendirinya pencennya akan luput. Apabila pencennya luput kadang-kadang peluang berkahwin bagi dia amatlah tipis, kalau adapun boleh jadi dengan orang kaya. Tetapi kemampuan batinnya kurang, bila kemampuan batin kurang kahwin yang saya maksudkan tadi membawa seorang itu tidak tenteram dalam rumahtangga. Maka dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan, khasnya Menteri yang berkenaan marilah kita jangan cuba sekat keadaan sifat alam yang dijadikan Tuhan, kita cubalah. Walaupun dari satu perkara yang baik kita hendak jaga dia tetapi dari satu perkara yang lain kita sekat satu sifat yang dijadikan Tuhan yang mana kita buat syarat kepada mereka yang hendak kahwin mesti luput pencennya. Akibatnya akan menjadi perkara itu tidak baik. Masih banyak terdapat balu-balu askar dan sebagainya yang suaminya mati kena tembak dan sebagainya tak boleh kahwin, kasihan. Ini adalah benda yang patut kita kaji dan diselidiki. Saya harap sangat-sangat supaya perkara ini dapat diubahsuai oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya berpendapat bukanlah saya marah kepada orang yang tua-tua, kalau boleh bila sudah sampai pencen banyak anak-anak muda kita yang patut dapat kerja tak dapat kerja sebab orang-orang pencen diambil bekerja dalam swasta dan sebagainya. Saya bukanlah tak setuju, tetapi patutlah kita utamakan orang-orang muda walaupun mereka ini cekap, tetapi yang sedih ada di antara pegawai-pegawai yang ada pencen mereka dapat kerja lagi. Beratus orang-orang muda kadangkala satu jawatanpun tak dapat disebabkan jawatan tadi dimiliki oleh orang sudah berpencen, orang yang sudah ada jawatan dan sebagainya.

Dengan sebab itu, saya bukanlah menentang, tetapi saya kesihan kepada setengah golongan tua tetapi kalau sudah banyak sangat jawatan dan oleh kerana umur pun sudah lebih, berilah peluang-peluang itu kepada orang muda moga-moga orang-orang muda yang ada pelajaran yang banyak menganggur hari ini dapat mengisikan tempat itu. Dengan ini mengurangkan lagi pengangguran, walaupun hari ini pengangguran sudah kurang tetapi mengurangkan lagi dengan langkah yang dibuat oleh Kerajaan kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat setakat itulah sahaja.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya berharap sangat-sangat sebelum saya duduk saya hendak tegaskan sekali lagi berkenaan dengan balu tadi, tolong ambil perhatian. Yang kedua, tentang ibu dan bapa tadi juga saya berharap sangat tolong ambil perhatian supaya bersesuaian dengan apa yang dicakapkan oleh Menteri pada petang semalam kita akan menyesuaikan dengan keadaan kerana kita sudah merdeka, bukan undang-undang penjajah lagi kita buat. Atas ucapan dan keterangan ini saya ucapkan syabas dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.01 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, oleh kerana Rang Undang-undang ini mempunyai implikasi yang luas kepada pesara-pesara yang telah bersara mulai 1hb Januari, 1976 dan juga oleh kerana Rang Undang-undang ini mempunyai implikasi yang luas kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat sekarang; saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan di samping ini saya hendak menghuraikan beberapa masalah mengenai Rang Undang-undang ini dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi jawapan dan penjelasan.

Tuan Speaker, sungguhpun pada keseluruhannya Rang Undang-undang ini memberikan faktor-faktor persaraan (pension factor) yang baik apabila dibandingkan dengan apa yang diberi oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Suffian dan Aziz, akan tetapi ia tidak merupakan satu formula persaraan yang baik daripada yang disyorkan oleh Suruhanjaya Harun yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk faedah pekerja-pekerja Badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan yang bermula pada 1hb Januari, 1970. Skim Baru ini ialah merupakan faktor persaraan Harun dan saya tidak faham mengapa kuatkuasanya bermula pada 1hb Januari 1976 dan tidak pada 1hb Januari, 1970.

Yang sebenarnya, Rang Undang-undang ini adalah untuk mereka yang telah memilih tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru Kabinet dan dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan No. 2/77. Di sini saya suka bertanya kenapa Kerajaan tidak dapat mengadakan satu Akta yang lebih comprehensive untuk semua pesara-pesara termasuk mereka yang sebelum Laporan Suffian, pesara-pesara Suffian dan pesara-pesara dari Badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Speaker, apa yang merunsingkan dalam Rang Undang-undang ini ialah pencen bukan suatu hak yang mutlak (absolute right). Saya berpendapat bahawa ini adalah bertentangan dengan syarat perkhidmatan pegawai awam. Pencen sebenarnya ialah salah satu syarat perkhidmatannya. Tambahan pula saya memahami bahawa 16% daripada gaji pegawai perkhidmatan awam diketepikan atau disimpan bagi maksud pencen.

Tuan Speaker, seorang pegawai yang sudah bertaraf pegawai berpencen tidak berhak mendapat faedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau EPF. Sekiranya majikan atau Kerajaan menyumbang kepada KWSP dengan sendirinya pegawai itu mempunyai hak yang mutlak. Pada pandangan saya adalah tidak adil untuk menafikan beliau hak pencennya. Sebaliknya, saya berpendapat bahawa Kerajaan sepatutnya menubuhkan satu Tabung Pencen yang ditadbirkan bersama oleh Kerajaan dan pekerja-pekerja.

Tuan Speaker, mengenai pemberian pencen, saya berpendapat bahawa seseorang pegawai mesti diberi pencen dan bukan boleh diberi pencen. Atas perkara pencen terbitan, saya suka menyatakan di sini bahawa atas nama keadilan sosial tempoh pencen terbitan tidak patut terhad kepada 12½ tahun kerana tanggungan akan tetap tinggal dalam kesudahan selepas kematian pesara-pesara itu. Saya suka bertanya adakah pencen terbitan dibayar kepada pegawai-pegawai berpencen wanita sama ada meninggal dunia dalam perkhidmatan atau selepas bersara?

Mengenai masalah pencen terhenti apabila disabitkan, saya berpendapat bahawa peruntukan ini adalah tidak adil. Pencen dan ganjaran-ganjaran lain adalah pendapatan perolehan tertakluk kepada perkhidmatan seseorang pegawai kepada Kerajaan. Apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang selepas persaraannya tidaklah perlu pada pandangan saya digandakan hukumannya.

Saya suka juga bertanya kenapa mesti seseorang pegawai dikehendaki bersara kerana kepentingan negara atau kepentingan perkhidmatan awam di bawah Fasal 11 akan digantung pencennya akibat penglibatannya dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan persaraannya.

Tuan Speaker, Fasal 28 (2) menyebut bahawa Ordinan Pencen, 1951 akan terus digunakan kepada pegawai-pegawai yang tidak memilih Skim Baru atau yang tidak dilantik di bawah Skim Baru ini. Di sini suka saya bertanya adakah Akta ini bertujuan mengecualikan anomali (to neutralise the anomaly) yang ditimbulkan oleh Jawatankuasa Kabinet yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai faktor pencen (pension factor). Suruhanjaya Suffian menimbulkan satu anomali di dalam pension factor dengan

mengurangkan pension factor daripada 1/600 kepada 1/800. Suruhanjaya Harun di dalam laporannya ada mengkritik factor pencen Suffian dan memperkenalkan satu formula baru.

Tuan Speaker, Jawatankuasa Kabinet secara tidak langsung mengkritik faktor pencen Suffian dan menerima formula Harun sebagai yang sesuai sedangkan Skim Pencen Harun sesuai kepada pekerja-pekerja di Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan mulai daripada 1hb Januari, 1970. Jawatankuasa Kabinet telah merekomendasikan bahawa formula ini boleh dipakai ke atas kakitangan Kerajaan mulai daripada 1hb Januari, 1976 dan dengan ini telah menimbulkan satu anomali yang terang berkaitan dengan kakitangan Kerajaan yang bersara di antara 1hb Januari, 1970 dan 31hb Disember, 1975 di bawah Skim Pencen Suffian.

Tuan Yang di-Pertua, dua kesatuan sekerja dan seorang pesara telah menuntut penyelesaian anomali Tribunal Perkhidmatan Awam Akta 186 yang menetapkan peraturan bagi penyelesaian anomali yang ditimbulkan oleh Jawatankuasa Kabinet dan lain-lain Suruhanjaya Gaji seperti Suffian, Aziz, Harun dan lain-lain. Ketiga-tiga tuntutan ini telah diserahkan kepada Tribunal Perkhidmatan Awam sejak beberapa bulan yang lalu dan sedang menanti jawapannya.

Adakah Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini bertujuan mengeciwakan atau menggagalkan tuntutan-tuntutannya yang sekarang berada dalam tangan Tribunal ini oleh kerana saya tidak begitu jelas dalam hal ini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan atas soalan ini. Jika demikian, ini adalah ketidakadilan yang ketara kepada 17,000 orang kakitangan awam yang telah bertugas dengan taat setia dan telah berkorban sepenuh jiwa untuk pembangunan negara. Huraian lanjut tidak menyentuh perkara ini dan Dewan ini patut diberi satu jaminan bahawa Rang Undang-undang ini tidak ada keinginan ini dan Tribunal boleh terus menyelesaikan tuntutan itu. Apa yang perlu Kerajaan lakukan pada pendapat saya ialah sentiasa mengulangkaji dari masa ke semasa mengenai kadar pencen mengikut trend inflasi yang tinggi mengakibatkan melambungnya kos sara hidup. Di samping ini suka juga saya memberi tahu Yang Berhormat Menteri berkenaan adalah penting

bahawa cara pembayaran pencen sekarang hendaklah dipercepatkan dan tidak seperti yang telah berlaku pada masa yang lampau.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan iaitu biasanya sesuatu Rang Undang-undang yang melibatkan pekerja-pekerja patut dibincangkan bersama dengan Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (National Joint Labour Advisory Council) di mana Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) diwakili sebelum Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan ini. Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri samada Rang Undang-undang yang begitu mustahak ini ada dibincangkan dalam National Joint Advisory Council sebelum dibentangkan Rang Undang-undang ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

4.13 ptg.

Tuan Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh takzim saya turut menyokong Rang Undang-undang Pencen 1979 yang mempunyai matlamat penting iaitu menyatukan Undang-undang berkaitan dengan pencen bagi seluruh Malaysia yang mana sebelum ini Negeri-negeri Sarawak dan Sabah mempunyai undang-undang sendiri mengenai perkara tersebut. Dalam memperkatakan Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang saya juga suka memberi pandangan untuk mendapat perhatian Dewan ini supaya dapat meminda beberapa fasal atau perkataan dalam Rang Undang-undang yang bakal diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 10 (5) ada menyebutkan mengenai seseorang pegawai yang kehilangan keupayaan menjalankan kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal layak menerima pencennya setelah disahkan oleh doktor. Dalam hal demikian adalah perlu bagi Kerajaan membayar pencen khas iaitu bukan mengikut Fasal 22 (1) iaitu pencen perkhidmatan yang diberikan kepada seseorang pegawai di bawah Akta ini tidak boleh melebihi setengah daripada gaji yang akhir diterimanya. Pada pandangan saya jika mereka itu bertugas untuk negara dan di-

timpa oleh bencana atau kemalangan ketika menjalankan tugas seperti anggota-anggota polis atau tentera kita maka hendaklah Kerajaan memberi pencen khas kerana kehilangan keupayaan tersebut. Di sini saya ingin mencadangkan pencen khas ini mestilah sekurang-kurangnya $\frac{3}{4}$ daripada gaji yang diterima semasa kemalangan tersebut. Sistem seperti ini sudah pun dijalankan di beberapa buah negara seperti Kanada dan Australia di mana pegawai yang kehilangan keupayaan diberikan pencen lebih tinggi daripada pesara-pesara yang tidak cacat. Dalam konteks ini adalah wajar bagi kita berbuat demikian bagi memastikan semua pegawai-pegawai yang menjalankan tugas kemudian mendapat kemalangan mendapat perhatian sewajarnya.

Mengenai Fasal 14 (1) saya mencadangkan supaya pembayaran pencen itu dibayar sekurang-kurangnya $\frac{1}{4}$ bukan $\frac{1}{5}$ daripada gaji yang akhir diterima oleh pegawai-pegawai yang mati itu. Bagaimanapun saya tidak menafikan bahawa Fasal itu juga memperuntukkan ganjaran terbitan, tetapi dalam konteks ini adalah lebih bijak jika kita memberi pencen kepada orang yang ditetapkan itu seimbang dengan tanggungjawabnya, jika perlu memberi pencen separuh gaji daripada gaji yang akhir diterima oleh simati. Ini semata-mata untuk menjaga kebajikan mereka yang tinggal terutama kepada balu simati yang mempunyai anak ramai tetapi tidak mempunyai mata pencarian lain.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga tidak memperuntukkan satu fasal yang khusus bagi membolehkan Kerajaan mengkaji semula pemberian pencen itu mengikut nilai wang itu sendiri atau keadaan inflasi. Saya berpendapat adalah perlu pemberian pencen ini dikaji dari semasa ke semasa mengikut harga barang-barang di negara ini di mana sentiasa melambung tinggi, tetapi pencen tidak pula bertambah mengikut harga barang-barang sekarang. Jika keadaan ini dibiarkan sudah tentu pemberian pencen ini tidak mempunyai erti dari masa ke semasa. Dengan yang demikian, pemberian pencen mesti dikaji dari masa ke semasa mengikut keadaan inflasi atau untuk dikaji ketika Kerajaan mengkaji tanggagaji baru untuk kakitangan Kerajaan. Dengan cara ini sahaja kita dapat menolong pesara-pesara dengan lebih positif dan berkesan agar kehidupan mereka tidak begitu sengsara.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia rancangan mengkaji semula untuk pemberian pencen ini dijalankan berulang kali di negara-negara seperti Australia dan Kanada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan skim perumahan khas untuk penerima pencen yang masih tidak mempunyai rumah sendiri. Saya banyak mendapat maklumat bahawa banyak pesara tidak mempunyai rumah sendiri, terutama mereka yang dipesarakan kerana kehilangan keupayaan atau pencen lebih awal dari umur 55 tahun. Dengan adanya skim perumahan khas ini dapatlah pesara membeli rumah dengan harga yang paling rendah. Di samping itu saya ingin mencadangkan supaya penerima pencen dari balu simati hendaklah diberi latihan professional seperti yang dijalankan di Australia sekarang agar mereka dapat menambah mata pencarian dengan lebih baik lagi. Apa yang saya faham program seperti itu telah berjalan di Australia sejak 1969 lagi dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari balu-balu simati yang menerima pencen seperti yang ditetapkan dalam Fasal 15. Latihan-latihan yang diberi termasuk masak-memasak di restoran atau jahit-menjahit serta persolekan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya cadangan yang diberikan itu mendapat perhatian dengan sewajarnya dari Dewan yang mulia ini supaya penerima pencen tidak berasa keciwa dan hampa dengan layanan Kerajaan. Inilah satu-satu cara untuk kita membayar khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh mereka sebelum ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.18 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pencen di mana Undang-undang berkaitan dengan pencen akan disatukan, justru Rang Undang-undang ini mengadakan satu Rang Undang-undang seragam bagi seluruh Malaysia. Fasal-fasal yang ada sekarang di dalam Rang Undang-undang ini adalah sesuai dan berkesan, tetapi saya juga menyokong cadangan-cadangan yang telah diberi oleh Yang Ber-

hormat dari Labuk Sugut, dan saya dukacita tidak ada provision di dalam Rang Undang-undang ini untuk mengatasi masalah-masalah perumahan yang pesara-pesara menghadapi apabila mereka tamat perkhidmatannya dan khasnya masalah ini dihadapi dengan teruk atau serius oleh golongan IMG (Industrial Manual Group). Dan baru-baru ini ada beberapa orang pesara dari Dewan Bandaraya dan Jabatan Keretapi di dalam kawasan saya yang telah tamat perkhidmatan mereka, pesara dan keluarganya tidak ada tempat kediaman. Saya harap Kerajaan mengkaji masalah ini dan menimbangkan cadangan saya iaitu:

Pertama, mengadakan tempat kediaman (transit quarters) dikhaskan untuk pesara-pesara dan diberikan satu masa selepas mereka boleh mengorientasi diri di dalam masyarakat. Dan transit quarters ini diberi priority kepada golongan yang berpendapatan rendah khasnya IMG workers.

Kedua, memberi arahan kepada semua jabatan di dalam negeri-negeri yang ada berkaitan dengan projek perumahan dan juga mendapat sokongan dari pihak swasta di mana pesara-pesara dari golongan yang rendah diberi keutamaan (first preference) untuk mendapatkan low cost housing. Dan lebih baik mereka dapat rumah-rumah low cost setahun sebelum mereka pencen.

Ketiga, Kerajaan mengambil langkah-langkah memberi preference yang utama kepada pemohon-pemohon rumah pangsa (flats) dan dengan langkah-langkah macam ini saya ingin pegawai-pegawai yang telah memberi perkhidmatan kepada Kerajaan dan negara kita ini khasnya mereka yang bekerja di kategori IMG dapat satu pertolongan yang mereka deserve.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul.

4.24 ptg.

Dr Wong Soon Kai (Bandar Sibul): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan saya terhadap prinsip-prinsip am Rang Undang-undang Pencen 1979 dan untuk memberi sokongan saya terhadap Rang Undang-undang tersebut.

Sekim pencen adalah berkait rapat dengan sekim gaji. Dengan pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet (CCR) dan hakikat

bahawa satu lagi ulangkaji bagi pekerja-pekerja Kerajaan adalah didengar baru-baru ini. Ini adalah jelas betapa perlunya diadakan undang-undang baharu untuk menguasai pencen. Oleh itu pembentangan Rang Undang-undang ini untuk mengekalkan undang-undang pencen yang sedia ada yang berasingan bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia menjadi sama untuk semua negeri-negeri di seluruh negara kita adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir baru bagi pencen atau ganjaran terbitan (derivative pension or gratuity) yang terkandung di Fasal 14 dan 15; pencen hilang upaya (disability pension) dalam Fasal 17 dan pencen tanggungan (dependant's pension) pada Fasal 18 adalah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar dikatakan bahawa mutu sesuatu Kerajaan boleh dibetulkan dengan cara warganegara yang telah dapat menumpukan sebahagian kehidupan yang utama mereka untuk berkhidmat kepada negara dan rakyat diberi perhatian selepas umur meningkat untuk bersara.

Di antara mereka ini adalah semua pegawai-pegawai Kerajaan kita yang telah berkhidmat seluruh kehidupan aktif mereka di dalam berbagai-bagai cawangan perkhidmatan Kerajaan dengan tidak mementingkan diri sendiri dengan kesetiaan, kebaktian dan dedikasi dan adalah benar bahawa Kerajaan hendaklah menjadi mereka dan tanggungan mereka dengan sewajarnya semasa persaraan mereka dengan mengadakan pencen yang secukupnya.

Dalam hubungan ini saya merasa gembira bahawa Kerajaan kita adalah di dalam kategori Kerajaan yang mempunyai polisi yang lebih jelas mengenai gaji dan pencen terhadap pekerja-pekerjanya. Peraturan-peraturan baru yang menguasai pemberian taraf berpencen seperti terkandung di dalam Fasal 7 dan 8 adalah lebih adil daripada peraturan-peraturan lama iaitu taraf berpencen sekarang tidak bergantung kepada jawatan tetapi kepada tempoh perkhidmatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tekanan dari inflasi dan kadar hidup yang meningkat memang tetap di dalam negara kita. Dan adalah dirasai dengan hebat oleh golongan rakyat khususnya mereka yang mempunyai pendapa-

tan yang rendah. Oleh itu saya suka mendesak Kerajaan supaya memberi mereka pertimbangan yang lebih simpati daripada masa dahulu kepada golongan pekerja-pekerja Kerajaan yang berpendapatan rendah dalam sebarang sekim-sekim gaji dan pencen baru di masa hadapan supaya mereka dapat meringankan beban kewangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekim gaji baru Laporan Jawatankuasa Kabinet (CCR) bagi pegawai-pegawai Sarawak telah dilaksanakan selepas lebih setahun yang lalu dengan kebelakangan (back dated) kepada 1hb Januari, 1976. Tetapi Sekim Pencen CCR belum lagi dilaksanakan di Sarawak. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam jawapannya boleh memberi tarikh tepat bilakah Pencen CCR akan diberi kepada pegawai-pegawai di Sarawak yang memberi hak dalam Sekim itu. Saya mesti menyebutkan bahawa apabila adanya satu gerakan ulangkaji gaji baru bagi pegawai-pegawai Kerajaan Sarawak atau Sabah di masa yang lalu terhadap kelewatan di dalam pelaksanaannya jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Ini telah menimbulkan keadaan tidak puas hati dan kekecewaan di antara pegawai-pegawai Kerajaan di negeri kita. Seseorang bolehlah memahami hakikat bahawa oleh kerana adanya Undang-undang Negeri dan syarat-syarat perkhidmatan yang berlainan di Sarawak dan Sabah satu gerakan ulangkaji gaji yang bersaing adalah selalu diperlukan tetapi saya rasa mungkin boleh Kerajaan Persekutuan menjalankan gerakan ulangkaji tersebut serentak dengan Semenanjung Malaysia supaya sekim-sekim gaji dan pencen baru yang sebenarnya adalah hal-hal Persekutuan boleh sedia dilaksanakan dalam masa yang sama pada seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

4.32 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya rasa bahawa ada perkara-perkara yang perlu ditimbang-kan semula beberapa fasal dalam Rang

Undang-undang ini oleh pihak Kerajaan memandangkan bahawa kedudukannya yang tidak bersesuaian dan konsepnya yang pada anggapan saya adalah menyalahi.

Di dalam pindaan Perlembagaan yang lalu mengenai pegawai-pegawai, Kerajaan telah memperuntukkan suatu peruntukan yang boleh Kerajaan menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai untuk kepentingan negara atau untuk kepentingan umum yang tidak dinamakan sebagai buang kerja dan ini untuk membolehkan pegawai yang berkenaan menerima pencen ataupun sesudah pegawai itu ditamatkan perkhidmatannya kerana sesuatu perkara yang dilakukan oleh pegawai tersebut yang bertentangan dengan kepentingan negara. Tetapi di dalam peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 3, peruntukan ini membolehkan pada Kerajaan mengurangkan atau menahan pencen seseorang pegawai kerana salah laku ataupun kerana kecuaiian dan juga salah aturan. Jika kita teliti dari kedua-dua peruntukan itu, kita dapati bahawa Kerajaan tidak mempunyai satu sikap yang jelas terhadap pegawai-pegawai yang serupa itu dan pada pandangan saya Kerajaan hendaklah mengambil satu sikap yang lebih jelas terhadap pegawai-pegawai supaya keadilan dapat dilaksanakan. Ketiadaan sikap yang jelas ini telah menyebabkan Kerajaan mempunyai satu dasar yang tidak sesuai seperti mana yang diperuntukkan dalam Fasal 3 (1) iaitu mengenai pencen itu bukan menjadi hak mutlak pegawai-pegawai.

Saya hendak membezakan di sini antara hak mutlak dengan hak semata-mata. Saya ber-setuju bahawa bukanlah menjadi hak mutlak untuk menerima pencen itu dengan pengertian bahawa penerima pencen itu sesuatu yang tidak boleh dipersoalkan. Tetapi oleh kerana Fasal 3 (1) tidak mengakui bahawa pencen itu menjadi hak pegawai-pegawai. Ini suatu yang saya rasa menyalahi dan suatu yang tidak adil sekurang-kurangnya ia mestilah menjelaskan bahawa pencen itu menjadi hak, ertinya apabila seseorang pegawai itu kita telah gunakan tenaga mereka semasa muda dan pegawai-pegawai itu telah memberikan atau menumpukan fikirannya dan juga tenaganya untuk menjalankan dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan maka bagi sesuatu Kerajaan yang adil mestilah mempunyai tanggungjawab terhadap pegawai-pegawai ini semasa ia tidak lagi mempunyai tenaga iaitu semasa ia sudah tua dan tidak lagi dapat menumpukan fikirannya ataupun

tenaganya untuk kepentingan masa tuanya. Ini adalah penting saya rasa, kita harus mengakui bahawa pencen itu adalah menjadi hak pegawai-pegawai walaupun tidak menjadi hak mutlak sepertimana dalam Undang-undang ini. Saya kurang puas hati dalam Rang Undang-undang ini kerana ia tidak menyebutkan atau menegaskan bahawa pencen itu menjadi hak pegawai-pegawai.

Saya bercakap ini adalah berasaskan kepada dasar yang kami perjuangkan iaitu dasar Islam di mana pernah dikatakan oleh Saidina Omar apabila ia melaksanakan dasar ini setelah melihat bahawa seorang daripada orang Islam yang bekerja tetapi kelihatan di masa tuanya meminta sedekah sahaja dan kerana itu apabila ia melihat keadaan ini dan dikatakan atau diterangkan kepadanya lalu ia berkata, "apabila kita menggunakan tenaganya dan kita menggunakan tenaganya sewaktu orang itu masih lagi mempunyai tenaga, kita adalah berkewajipan untuk menjaga kehidupan sewaktu ia tidak lagi mempunyai keupayaan dan tenaga untuk mencari nafkah dan juga untuk mempertahankan hidupnya."

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin mengulas ataupun menarik perhatian mengenai Fasal 3 (2) iaitu mengenai hak Kerajaan untuk mengurangkan atau menahan pencen dan ganjaran atau lain-lain faedah kepada pegawai-pegawai yang didapati bersalah ataupun salah aturan ataupun salah laku.

Saya merasakan bahawa kita perlu juga di dalam menentukan perkara ini menimbangkan rekod-rekod perkhidmatannya di masa-masa yang lalu. Mungkin seorang pegawai itu melakukan kesalahan-kesalahan di waktu yang akhir dan kerana ini kita perlu juga menimbangkan kesalahan-kesalahannya itu dengan kebaikan-kebaikannya yang lalu dan juga kita perlu menimbangkan juga tanggungjawabnya kepada keluarga-keluarganya sehingga kita tidaklah menghukum seorang pegawai itu dengan hukuman-hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan, iaitu mungkin kesalahannya di waktu yang akhir yang sedikit tiba-tiba kita mengurangkan atau menahan pencennya sedangkan ia berkhidmat sudah lama dengan kerja-kerja yang cemerlang dan sebagainya. Ini perlu juga diberi pertimbangan supaya sesuatu kesalahan dan kesilapannya itu tidak

dihukum berlebihan daripada kesalahannya atau tidak dihukum dua kali atau tiga kali dan perlu juga ditimbang tanggungjawab kepada keluarganya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai kadar pencen ini perlu juga diadakan perubahan-perubahan dari semasa ke semasa dan tinjauan-tinjauan semula dari semasa ke semasa kerana perubahan-perubahan di dalam masyarakat dan juga misalnya kenaikan-kenaikan harga yang tidak lagi boleh mencukupi dan menjamin kehidupan seorang pegawai itu apabila sampai kepada suatu keadaan ataupun perubahan masyarakat yang menyebabkan saraan hidup lebih tinggi. Kalau sekiranya skim gaji bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat ini dikaji semula dari semasa ke semasa, maka saya percaya bahawa adalah wajar kajian semula itu termasuk juga kadar pencen yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang telah bersara. Ini perlu dikaji kerana ada pegawai-pegawai yang telah pencen 4-5 tahun dahulu atau sebelum daripada Gaji Kabinet, pencen yang diterima itu adalah kecil dan tidak lagi dapat menghadapi perubahan-perubahan dalam masyarakat dan juga kenaikan harga atau keadaan inflasi yang berlaku dalam masyarakat, kerana itu wajar Kerajaan mengambil sikap untuk mengkaji juga kadar pencen ini dari semasa ke semasa apabila skim gaji kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat itu dilakukan.

Saya bersetuju juga dengan pandangan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara ini iaitu orang-orang yang bankrap, kerana sudahlah ia telah bankrap maka pencennya pula tidak diberikan, bahkan orang-orang ini pula semasa ia berkhidmat ia tidak dibenarkan berniaga dan kesalahan ataupun keadaan ini berlaku bukanlah semasa ia menjalankan perkhidmatan dengan Kerajaan. Jadi ganjaran ataupun pencen yang diberikan itu ialah sebagai kewajipan Kerajaan mengenang perkhidmatan-perkhidmatannya semasa ia berkhidmat dengan Kerajaan dan apabila ia tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan dan ia menjalankan perniagaan dan ia melakukan beberapa kesilapan yang membawa kepada bankrap, keadaan yang seperti ini bukan berlaku semasa ia berkhidmat dengan Kerajaan dan Kerajaan tidak patut mengenakan sesuatu hukuman terhadap suatu kejadian atau suatu keadaan yang berlaku setelah pegawai itu tidak lagi berkhidmat

dengan Kerajaan. Saya rasa peruntukan ini perlu ditimbangan semula untuk faedah pegawai-pegawai dan juga untuk menggalakkan supaya orang-orang yang sudah tamat perkhidmatannya dengan Kerajaan ini menceburkan diri di dalam perniagaan dan mereka mempunyai harapan pula, walaupun mereka gagal tetapi mereka masih lagi dapat jaminan yang sesuai hasil daripada tenaga dan juga fikiran yang telah diberikan kepada negara semasa mereka berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.46 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah mendengar hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh 10 orang Ahli Dewan ini mengenai dengan Rang Undang-undang yang saya bantangkan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu, izinkanlah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menemukan hujah-hujah mereka membincangkan Rang Undang-undang Pencen, 1979 yang saya bantangkan dalam Dewan ini sejak kelmarin. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini, saya merasa senang hati kerana mereka telah menyedari langkah-langkah yang diambil oleh pihak pemerintah membantangkan Undang-undang ini adalah semata-mata untuk kebaikan, khususnya kakitangan Kerajaan dan juga negara kita.

Apa yang jelas yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini ialah ianya jauh lebih baik dari Rang Undang-undang Pencen yang ada sekarang ini, iaitu Ordinan Pencen Sabah, 1963, Ordinan Pencen Sarawak Bab 89 dan Ordinan Pencen, 1951 yang ada di Semenanjung Malaysia. Saya berasa kesal sedikit kerana walaupun Rang Undang-undang Pencen 1979 yang meliputi seluruh negara ini ada baiknya, ada juga setengah daripada Wakil Rakyat yang masih ragu-ragu untuk mengakui kebenaran ini. Ada pula setengah yang mengeluarkan hujah-hujah seolah-olah setiap kakitangan Kerajaan itu 100% baik—perfect, maka perkara-perkara yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini untuk mengelakkan perkara-perkara

yang mungkin berlaku seperti kesalahan disiplin atau ianya disalahgunakan apabila undang-undang ini nanti dilaksanakan diragukan.

Ingin saya menegaskan di sini iaitu adalah menjadi tugas pihak Kerajaan untuk menjaga kepentingan semua pihak apabila mengemukakan Rang Undang-undang di Dewan yang mulia ini. Di samping Kerajaan memberi kemudahan-kemudahan pencen yang lebih baik kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, adalah juga kena dan tepat pada hakikatnya Kerajaan menjaga kepentingan negara serta juga kepentingan rakyat keseluruhannya. Maka itulah di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan itu terdapat juga beberapa perkara di mana ditekankan iaitu pencen itu bukannya hak yang mutlak dan boleh ditahan atau dikurangkan atas sebab-sebab disiplin yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya memberi penjelasan sedikit mengenai dengan beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini walaupun barangkali saya tidak berkesempatan untuk memberi penjelasan satu persatu mengenai dengan perkara-perkara yang ditimbulkan.

Perkara yang disuarakan oleh hampir kesemua Ahli Yang Berhormat ialah mengenai dengan kelambatan membayar pencen pesara. Mengenai dengan kelambatan membayar pencen pesara ini adalah satu kenyataan yang pada masa ini kita akui telah berlaku dan telah berbangkit disebabkan iaitu ketiga-tiga Ordinan Pencen yang sedang berjalan pada masa ini yang akan diganti dengan Akta Pencen yang baru ini adalah merupakan satu sebab yang menyebabkan kelambatan membayar pencen pesara. Ini ialah kerana di dalam Ordinan-ordinan yang berkenaan terdapat berbagai faktor yang susah untuk diinterpretasikan dan susah untuk dilaksanakan. Maka itulah menyedari hakikat ini Kerajaan berusaha untuk mengadakan Rang Undang-undang Pencen, 1979 ini dengan bertujuan supaya masalah-masalah kelambatan yang pernah kita alami itu akan dapat dielakkan atau dikurangkan dengan adanya Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Dengan adanya prinsip-prinsip baru dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini seperti tidak mengerjakan perjalanan urusan

rasmii ataupun perjalanan urusan tidak rasmii tidak memberi perbezaan jawatan yang telah dimasukkan sama ada jawatan berpencen ataupun tidak berpencen, ini tentu sahaja akan meringkaskan kerja memproses pencen itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini apa yang sebenarnya yang telah berlaku iaitu kelambatan memproses pencen ini kerap kali didapati bahawa maklumat-maklumat yang lengkap tidak dapat diperolehi apabila rekod seseorang pegawai yang hendak berpencen itu diproses. Misalnya kadang-kadang tarikh beranak, kadang-kadang atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan ialah fail atau rekod mengenai dengan seseorang pegawai yang hendak bersara itu kurang lengkap, maka itulah satu daripada masalah yang menyebabkan kelambatan itu dan kita berharap masalah itu pada masa ini telah kita ketahui dan diambil perhatian. Kita juga berharap kepada pihak yang berkenaan khususnya pegawai-pegawai Kerajaan sendiri supaya memberikan maklumat-maklumat yang tepat untuk memudahkan mempercepatkan proses pencen ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah juga mengatakan semalam ada seorang pesara di mana pesara itu telah menerima pencen yang berkurangan dengan tidak diketahui sebab-sebabnya. Saya rasa perkara ini adalah perkara berasingan yang memerlukan maklumat-maklumat yang lengkap, maka itu saya minta maaf tidak dapat memberi penjelasan mengenainya. Saya berharap pihak yang berkenaan sama ada Ahli Yang Berhormat itu atau pesara yang berkenaan supaya mengemukakan perkara ini secara bertulis kepada Kementerian saya untuk di-kaji dan diperbaiki.

Perkara yang telah diperbincangkan juga ialah mengenai dengan kuasa-kuasa yang telah diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, keraguan sama ada kuasa yang diberi itu akan dijalankan dengan baik atau adil yang terkandung di dalam Fasal 5, Fasal 10 dan juga beberapa fasal yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pentadbiran Kerajaan ataupun pentadbiran negara kita ini Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah ketua negara yang tertinggi dan berdaulat. Kuasa-kuasa yang terkandung di dalam Fasal 10 dan Fasal 5 dan juga lain-lain fasal yang berkaitan yang memberi kuasa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong sengaja diadakan untuk memastikan bahawa Rang Undang-undang ini dijalankan secara penuh keadilan dan penuh bertanggungjawab. Dalam negara kita ini kalaulah integrity Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita persoalkan, maka saya rasa tidak ada asas bagaimana kita boleh menaruh kepercayaan kepada lain-lain orang ataupun badan. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat sesuatu keputusan tentunyalah ianya dikaji dengan mendalam lebih dahulu. Walau bagaimanapun saya ingin menarik perhatian Dewan ini pesaraan dengan kehendak Kerajaan seperti terdapat dalam Fasal 11 dan mengatakan iaitu dengan persetujuan pegawai itu, bermakna dengan persetujuan pegawai itu. Kalau tidak dengan persetujuan pegawai itu, maka tidak dilakukan. Maka oleh itu soal ketidakadilan saya rasa barangkali tidak timbul dalam negara ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengapakah mesti undang-undang ini dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1976. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerana bayaran pencen ini ada kaitannya dengan CCR (Cabinet Committee Report) maka ianya terpaksa diselaraskan dengan kuatkuasa sekim CCR itu sendiri.

Satu lagi saya rasa agak penting juga yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai dengan kadar masa iaitu 12½ tahun digunakan dalam Rang undang-undang ini. Kadar masa 12½ tahun itu adalah sebenarnya beralaskan kepada Sekim Pencen Keluarga yang telah diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian yang dilaksanakan dalam tahun 1970 dan saya rasa jika perlu masa ini boleh kita kaji lagi di masa hadapan—jika difikirkan perlu.

Ada juga Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya Pejabat Pencen Khas atau Cawangan Pejabat Pencen diadakan di tiap-tiap negeri. Cadangan ini memang baik tetapi buat masa ini perkara ini belum dapat dipenuhi lagi kerana masalah-masalah yang tertentu yang berkaitan dengan pentadbiran.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin maklumkan iaitu pejabat-pejabat Kerajaan di mana pegawai-pegawai yang akan bersara itu bertugas telah terlibat dalam memproseskan atau menyediakan pencen di peringkat sama ada

di peringkat Negeri ataupun di peringkat Pusat dan sekali lagi seperti saya katakan tadi mungkin satu masa nanti kita juga akan memikirkan kalau perlu mengadakan satu pejabat khas untuk mengendalikan pencen di Negeri-negeri. Namun demikian kerana pencen adalah merupakan satu perkara yang kompleks dan dibayar oleh Persekutuan maka pusat pembayarannya atau memprosesnya tidak dapat dielakkan di ibu negara.

Ada seorang Ahli Yang Berhormat kalau saya tak silap, menyebut supaya pencen itu dibahagikan atau bahagian lebih banyak diberi kepada isteri tua kerana kata beliau isteri tua itu mempunyai banyak anak. Itu mungkin juga betul, kalau isteri yang tua itu mempunyai banyak anak tetapi kadang-kadang isteri muda yang mempunyai lebih banyak anak dari isteri tua pula. Ini ada berlaku. Inginlah saya terangkan di sini di dalam perkara ini Kerajaan memang mengambil perhatian dan bilangan anak yang ditanggung oleh seseorang isteri atau balu itu adalah diambil kira di dalam membayar pencen kepada balu-balu dan anak-anak pegawai yang telah meninggal itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang melibatkan pencen yang telah dikemukakan ialah dikaitkan mengenai dengan pencen yang diperolehi oleh anggota tentera. Sebenarnya pencen yang berkaitan dengan anggota tentera itu adalah berlainan maka di sini tidaklah ada kaitannya. Walau bagaimanapun seperti yang saya katakan semalam seseorang yang telah berkhidmat dengan tentera tetapi untuk beberapa ketika sahaja dan habis itu berkhidmat pula dengan pejabat Kerajaan misalnya, maka perkhidmatannya dengan tentera itu juga diambil kira apabila perkiraan pencen itu dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mengemukakan beberapa perkara, kenapa pegawai-pegawai dikehendaki bersara atas kepentingan negara ataupun kepentingan perkhidmatan dan adakah ini adil dan bagaimana cara-cara memberikan keadilan. Seperti yang saya katakan tadi, tidak semua kakitangan Kerajaan itu perfect, ada juga yang membuat jenayah, ada juga yang sabotaj barangkali jentera pentadbiran Kerajaan. Dalam hubungan ini Kerajaan tentu tidak boleh membiarkannya. Kerajaan tidak mahu kerana seseorang yang membuat salah maka semua jentera Kerajaan itu akan menjadi tidak baik maka Kerajaan

harus berusaha untuk mengeluarkan pegawai yang berkenaan (to weed him out) dari jabatan itu ataupun dari kerjanya demi untuk kepentingan perkhidmatan dan demi untuk kepentingan negara. Di dalam hal ini Kerajaan memanglah bertimbang rasa. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan sentiasa bertimbang rasa dan memberi keadilan kepada pegawai itu supaya pegawai itu mendapat keadilan yang sepatutnya atas perkara-perkara yang telah berlaku.

Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan mengenai dengan faktor-faktor pencen yang berdasarkan kepada Suruhanjaya Suffian ataupun Suruhanjaya Harun. Saya rasa saya tidak perlu memberi komen terlalu panjang mengenai perkara ini kerana ini merupakan satu kajian dan bagi saya ini merupakan satu pendapat sama ada faktor Suruhanjaya Suffian yang baik ataupun Suruhanjaya Harun yang baik. It is a matter of opinion. Walau bagaimanapun inginlah saya tegaskan di sini sebelum Kerajaan menggubal Rang Undang-undang ini segala pertimbangan, segala faktor yang berkaitan telah kita ambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh mengenai dengan pengkajian kadar pembayaran pencen. Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa sara hidup atau harga barang naik dari sehari ke sehari. Ini satu kenyataan yang kita tidak boleh lari dan dirasai bukan sahaja oleh pensioners tetapi oleh semua lapisan masyarakat kita. Dalam hubungan ini hanya saya ingin beri jaminan bahawa Kerajaan akan sentiasa mengambil perhatian dari masa ke semasa mengkaji perkara ini dan jika perlu bertindak yang bersesuaian. Saya ingat Ahli Yang Berhormat itupun memang sudah tahu bahawa pencen adalah tidak dikenakan cukai maka ini satu rahmat lagi yang telah diberikan kepada pesara dan seperti saya katakan tadi adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengkaji dari masa ke semasa keadaan masyarakat keseluruhannya, khasnya keadaan pesara-pesara kita yang sudah tua yang memerlukan bantuan.

Satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut iaitu meminta supaya sekim perumahan khas diberi kepada pesara-pesara ataupun sebagai kemudahan kepada pesara-pesara yang telah berkhidmat dengan Kerajaan. Di dalam

hubungan ini Kerajaan pada hari ini ada mengadakan sekim-sekim perumahan di beberapa tempat malahan di seluruh negara kita ini. Maka saya rasa dalam hal ini apabila seorang pesara mengemukakan permohonannya, sudah tentulah permohonannya itu mendapat pertimbangan priority apabila ada sekim-sekim perumahan Kerajaan khususnya rumah murah yang disediakan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah membangkitkan mengapakah sekim pencen C.C.R. belum lagi dilaksanakan di Sarawak. Seperti yang telah saya huraikan semalam, Kerajaan memang sedang mengkaji untuk membayar pencen kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Sarawak. Maka dengan inilah timbulnya kita mengadakan Rang Undang-undang Pencen 1979 ini bukan sahaja tujuan kita untuk membayar pencen di Sarawak tetapi juga untuk menyatukan dan menyamakannya dengan pembayaran pencen juga di Sabah dan di Semenanjung Malaysia. Insya Allah selepas Rang Undang-undang ini diluluskan pihak Kerajaan akan mempercepatkan untuk melaksanakan pembayaran pencen ini seberapa cepat yang boleh.

Mengenai cadangan beliau, kalau boleh mana-mana peraturan ataupun undang-undang yang boleh mendatangkan faedah kepada negeri Sarawak, supaya jangan ketinggalan, misalnya dalam pembayaran pencen C.C.R. supaya disamakan di Semenanjung, di Sarawak dan di Sabah. Ini memang disedari oleh Kerajaan dan Kerajaan memang mencuba sedaya upaya supaya untuk menyamakan sebarang undang-undang yang memberikan faedah kepada semua masyarakat tidak kira yang tinggal di Sarawak, di Semenanjung atau di Sabah tertakluk kepada peraturan-peraturan dalam Perlembagaan dan bidang-bidang kuasa yang ditentukan.

Akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Baling menyentuh mengenai pandangan beliau yang mengatakan samar-samar mengenai dengan hak mutlak kepada pegawai-pegawai Kerajaan mengenai dengan pencen ini. Kalau kita lihat Fasal 3 dan kita baca No. (1) dan No. (2) di dalam Fasal 3 tadi maka dengan sendirinya di sana ada terhurai mengatakan bahawa Pegawai Kerajaan tidak mempunyai hak mutlak. Ini bermakna Kerajaan atau Yang di-Pertuan Agong boleh mengurung atau menahan, ertinya dia tidak

mempunyai hak mutlak tetapi malangnya dia mempunyai hak untuk menerimanya, kerana hanya pegawai Kerajaan yang berhak menerima, orang yang bukan pegawai Kerajaan tidak berhak menerima. Saya tidaklah pakar dalam bahasa tetapi saya rasa penjelasan saya ini saya harap dapat disemak, perkara ini sudah ditimbang seperti saya kata tadi ada sebab-sebabnya perkara ini telah dibuatkan demikian. Beliau juga mengharapkan supaya pegawai tidak dihukum berlebihan di bawah Fasal 3 (2). Di sini dalam Dewan yang mulia ini saya ingin memberi jaminan sekali lagi bahawa Kerajaan memanglah berhati-hati seberapa adil yang boleh, bukan sahaja untuk pegawai Kerajaan tetapi untuk semua pihak apabila menjalankan sesuatu atau melaksanakan sesuatu ordinan atau undang-undang yang ada dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali inginlah saya memberi jaminan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini iaitu langkah-langkah yang wajar akan diambil oleh Kerajaan untuk mempercepat dan melicinkan proses pembayaran pencen kepada semua penerimanya. Kerajaan tentu sahaja akan berhati-hati dan berlaku adil apabila melaksanakan perkara-perkara penting yang telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini. Kita telah sama-sama mendengar komen-komen dan pendapat-pendapat, perkara-perkara penting yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan perkara-perkara yang telah saya jelaskan tadi lebih-lebih lagi perkara yang tidak sempat saya jelaskan dalam Dewan ini, Kerajaan akan ambil perhatian sepenuhnya dan mana-mana yang sesuai Kerajaan tentulah bertindak sewajarnya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, sekali lagi saya bangun untuk menarik perhatian mengenai dengan kesilapan teknik mengenai Fasal 2 yang diedarkan dalam Dewan ini dan memohon untuk dibuat pindaan mengenainya.

Pindaannya seperti berikut:

Fasal 2 ... Dalam tafsiran “gaji yang akhir diterima” gantikan perkataan “tetap” dengan perkataan “hakiki”.

Fasal 2 ... Dalam tafsiran “peraturan-peraturan itu” potong perkataan “itu”.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya sekali lagi bangun untuk meminta supaya Fasal 3 ini hendaklah dipinda, iaitu “Seorang pegawai adalah mempunyai hak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta ini”. Ini ialah kerana perkataan “hak” itu memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk mempersoalkan tentang tindakan Kerajaan sama ada mengurang atau menahan pencen-pencen yang dikenakan ke atas seorang pegawai itu. Ia bukan hanya merupakan satu penerimaan yang tertentu sahaja iaitu hak menerima sahaja tetapi ia juga hak mempersoalkan tindakan-tindakan Kerajaan. Jadi ini saya rasa perlu dipinda kepada “seorang pegawai itu mempunyai hak untuk mendapat pampasan di bawah Akta ini.”

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mengikut peraturan-peraturan tertentu, kalau hendak membuat pindaan-pindaan diminta memberi sekurang-kurangnya satu hari notis dahulu sebelum pindaan itu boleh dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ini sebagai pandangan dan saya minta supaya dipertimbangkan perkara ini dibuat pindaan. Itu sebagai satu pandangan, bukan

sebagai satu pindaan terus kepada Akta ini, tetapi sebagai pandangan dan permintaan supaya perkara ini ditimbang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau tidak ada minta membuat pindaan, tadi dalam penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan pandangan-pandangan Yang Berhormat itu memang akan dipertimbangkan pada masa yang sesuai. Jadi rasa saya pada masa ini dalam Dewan yang mulia ini kita cuma menunjukkan. Jikalau Yang Berhormat berkehendakan pindaan, menurut peraturan-peraturan tertentu, Yang Berhormat diminta memberi sekurang-kurangnya satu hari notis dahulu sebelum pindaan-pindaan itu boleh diterima oleh Dewan yang mulia ini. Pada masa sekarang ini tidak dapatlah Dewan ini menerima pindaan yang disyorkan oleh Yang Berhormat tadi.

Fasal 3 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8—

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, saya bangun sekali lagi kerana sebab-sebab teknikal mengenai dengan perkataan-perkataan dalam Fasal 8 (b) dan saya mohon ianya dipinda seperti yang telah diedarkan. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 8 (b) ... Gantikan perkataan-perkataan "alasan doktor" dengan perkataan-perkataan "sebab-sebab perubahan".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Fasal 8 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 hingga 23—

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan kepada Fasal 11 (a) dan (b) kalau dapat saya meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan sedikit apakah yang dimaksudkan dengan "atas alasan kepentingan negara" atau "demi kepentingan perkhidmatan awam".

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, "atas alasan kepentingan negara"

bermakna apa-apa juga perkara yang berkenaan dengan kepentingan negara. Misalnya seorang pegawai itu telah melakukan kesalahan ataupun tidak ada kesalahan tetapi difikirkan dari segi untuk kebaikan negara dia harus tidak boleh terus berkhidmat di tempat itu, maka itulah maknanya "atas alasan kepentingan negara". Dan "atas kepentingan perkhidmatan awam" pula iaitu atas kepentingan perkhidmatan itu sendiri seperti yang saya katakan tadi iaitu mungkin pegawai yang berkenaan tidak mendatangkan kebaikan untuk perkhidmatan awam keseluruhannya khas untuk perkhidmatan awam, maka dia boleh dipersarakan atas sebab itu. Jadi saya rasa dari segi perbezaan yang keterlaluan barangkali tidak ada, hanya "kepentingan perkhidmatan awam" ialah mengenai dengan kepentingan perkhidmatan awam itu sendiri di mana ianya ada kaitan dengan pegawai itu sendiri bila menjalankan tugas. Tetapi "kepentingan negara" adalah lebih luas iaitu mempunyai lain-lain perkara, sama ada berkaitan dengan perkara politik, sosial dan sebagainya.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini takrif definasi "kepentingan negara" dan "kepentingan perkhidmatan awam" telah diberikan nampaknya agak keliru dan juga bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu definasi mengenai "kepentingan negara" dan "kepentingan perkhidmatan awam" yang termaktub dalam sebuah buku panduan di mana mereka boleh merujuk kepadanya.

Kedua, siapakah yang akan menentukan definasi "kepentingan negara" dan "kepentingan perkhidmatan awam"? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan ini kerana ini adalah merupakan satu perkara yang serius yang mungkin akan membawa kepada far-reaching consequences, kalau kita tidak berhati-hati mungkin abuse of power akan berlaku.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, bila kita baca Seksyen itu sendiri iaitu:

"11. Walau apa pun peruntukan seksyen-seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pegawai itu, Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai supaya bersara pada mana-mana peringkat umur"

Kuasa ini kita letakkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kalau disoalkan tadi saya sudah jawab, saya rasa "kepentingan negara" meliputi semua aspek mengenai dengan negara ini bermakna aspek keselamatan negara, aspek sosial dan lain-lain. Tetapi bila kita bercakap mengenai dengan "kepentingan perkhidmatan awam" perkhidmatan awam itu sendiri dan tidak meliputi kepentingan negara.

Jadi saya rasa perkataan itu sendiri sudah cukup jelas kalau Yang Berhormat itu membaca, "kepentingan negara" bermakna keseluruhan negara Malaysia dan "kepentingan perkhidmatan awam" bermakna perkhidmatan awam itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam Fasal 11 sungguhpun ada peruntukan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh ada kuasa untuk menjalankan kuasa ini, sebenarnya kuasa dijalankan oleh Kerajaan dan bukan Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan kita dan sebenarnya ini satu keputusan Executive dan boleh disoalkan dalam Parlimen ini.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi beberapa contoh untuk menunjukkan perbezaan kedua-dua perkara ini iaitu "kepentingan negara" dan "kepentingan perkhidmatan awam" supaya kita boleh faham.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, saya hairan kerana undang-undang kita pun memang disigned oleh Yang di-Pertuan Agong, baharu boleh jadi undang-undang. Jadi saya rasa tidak ada dikatakan tadi adakah perkara itu dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi kuasa itu kita beri kepada Yang di-Pertuan Agong. Cara bagaimana Yang di-Pertuan Agong melaksanakan, seperti saya kata tadi mesti dengan faktor-faktor yang tertentu dan alasan-alasan yang tertentu dan alasan-alasan yang tertentu itu masakan datang sendiri dari langit, mesti diperolehi dari pegawai-pegawai dan Jabatan-jabatan Kerajaan atau pihak-pihak yang tertentu.

Saya minta maaf, saya rasa kalau soalan tadi bagaimana kita memastikan Yang di-Pertuan Agong sebenarnya yang menjalankan—Yang di-Pertuan Agong se-

benarnya menjalankan kerana Baginda yang menandatangani. Kalau kita katakan satu surat itu ditandatangani oleh seorang pegawai tentu kita katakan pegawai itu yang berkuasa, bukan orang yang menaip.

Tuan Pengerusi, "kepentingan negara" ini sangat luas meliputi kepentingan pertahanan, kepentingan security. Kalau seseorang itu sudah membuat sesuatu kesalahan, misalnya subversive elements in Government Service, I am sure the Government will have to take action on that particular person in order to save the country. Itulah sebab-sebabnya, Tuan Pengerusi.

"Kepentingan perkhidmatan awam" pula ialah seperti saya katakan tadi mengenai dengan perkhidmatan awam itu sendiri. Mungkin jawatan yang dipegang oleh pegawai itu tidak lagi dikehendaki dalam perkhidmatan awam, tidak lagi penting, maka kalau tidak ada tempat lain lagi untuk menghantarnya terpaksa ia dipersarakan untuk kepentingan awam dan lain-lain lagi kepentingan awam.

Saya juga bukanlah ahli bahasa tetapi mungkin apa yang saya terangkan ialah tujuan matlamat Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Barangkali Menteri yang berkenaan faham tentang pentingnya definisi di dalam undang-undang dan kerana itu mengapakah soal kepentingan negara dan kepentingan perkhidmatan awam ini tidak ditakrifkan dengan jelas di dalam Rang Undang-undang ini kerana tujuan undang-undang itu bukan sahaja untuk menghukum tetapi memberi satu guidance kepada pegawai-pegawai supaya dengan itu mereka dapat mengelakkan perkara-perkara itu. Jadi perlu diberikan penjelasan, tidak boleh di dalam undang-undang itu umum begitu sahaja kerana undang-undang itu mempunyai bahasa yang tersendiri walaupun mungkin menggunakan bahasa yang sama atau perkataan yang sama tetapi mempunyai makna yang berlainan mengikut definisi yang tertentu dan mengapa perkara ini tidak diberi definisi. Kemudian kepentingan perkhidmatan. Di sana terdapat peraturan-peraturan mengenai disiplin perkhidmatan awam. Ada kepentingan perkhidmatan awam itu bermakna melanggar

disiplin-disiplin yang sudah ada atau peraturan-peraturan yang sudah ujud. Ini tidak ditangan dalam Rang Undang-undang ini, mengapa? Perkara ini mustahak diterangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, saya rasa kalau kita mempunyai satu Undang-undang yang begitu ketat mungkin banyak daripada lawyers kita tiada kerja. Saya rasa ini sengaja diadakan supaya intepretasi itu dibuat mengikut keadaan (depend on the situation). Dalam perkara ini seperti saya katakan tadi sudah jelas sekiranya sesuatu jawatan itu tidak dikehendaki lagi tetapi bukannya tiada disiplin tetapi tidak dikehendaki lagi. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini ialah mengenai disiplin. Itu satu perkara yang lain. Saya rasa kerana sendiri pun tidak begitu fasih dalam interpretation bahasa ini, yang saya terangkan tadi ialah tujuan-tujuan, Pertama mengenai kepentingan negara pada keseluruhannya—negara itu sendiri, meliputi security dan sebagainya perkhidmatan awam hanya perkhidmatan awam itu sendiri, jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Jika Kerajaan merasakan bahawa apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berasaskan kepada kepentingan national dan kepentingan perkhidmatan awam maka bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan kepada Dewan ini bahawa satu buku panduan mengenai scope atau apakah definasi kepentingan national, boleh dipatuhi oleh setiap kakitangan Kerajaan supaya mereka tidak akan melanggar kedua-dua definasi yang mungkin akan membawakan satu akibat yang buruk terhadap kehidupan dan perkhidmatan mereka kerana dari pengalaman kita, kita sangat khuatir kerana kepentingan national ini selalu ditakrifkan sebagai satu kepentingan Barisan Nasional, mungkin itu kita khuatir satu diskriminasi (abuse of power) akan dilakukan di bawah kedua-dua definasi itu. Kalau boleh saya harap mendapat satu jaminan mengenai buku panduan mengenai definasi kedua-dua pendapat ini boleh dikeluarkan secepat mungkin.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Ini boleh kita kaji.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya dukacita kerana Menteri berkenaan tidak memberi jawapan terhadap keraguan yang saya timbulkan dan memberi alasan yang sebenarnya tidak layak diperkatakan oleh seorang Menteri iaitu kalau tidak buat umum begitu ahli-ahli Undang-undang kita tiada kerja. Ini satu jawapan yang saya rasa tidak sesuai diucap oleh seseorang Menteri yang bertanggungjawab dan menjaga kepentingan orang ramai dalam negara ini. Sekiranya satu undang-undang itu terlalu umum sehingga kalau mengatakan bahawa sekiranya seseorang itu melakukan kesalahan akan dihukum misalnya. Jadi apa kesalahan itu, mesti dijelaskan juga. Ini pentingnya tentang definasi di dalam sesuatu undang-undang itu. Kalau tidak diberi definasi yang tertentu ini akan menjadikan penyakit besar kepada kepentingan orang ramai. Dengan sebab itu saya ingin mendapat penjelasan ini. Kalau sekiranya tidak dikemukakan di sini atau kita meluluskan dengan tidak dibuat satu kajian yang teliti, ini merosakkan kepentingan orang ramai dan juga terutama pegawai-pegawai. Saya harap mendapat jaminan bahawa bahagian ini perlu diberi pentafsiran yang sejelas-jelasnya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya bergurau sahaja. Tetapi it is the fact of life, kebanyakan daripada undang-undang kita vague dan kemudian apabila sampai di court baru interpret. It is a matter of interpretation yang sebenarnya. Kalau kita baca undang-undang, it is a matter of interpretation. Mengenai dengan jaminan itu saya boleh beri jaminan kita akan kaji. Sebenarnya kita memang sudah mengkaji sebelum kita membuat undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu mengambil bahagian di dalam hal ini oleh kerana definasi atas alasan kepentingan negara dan tadi dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa mengikut keadaan (according to the situation). Saya rasa kita tidak boleh meluluskan undang-undang di mana definasinya ialah mengikut keadaan. Oleh kerana kalau begitu atas alasan kepentingan negara mengikut keadaan, satu hari seorang yang tidak mahu mengampuni seseorang Menteri atau Timbalan Menteri pun boleh mengikut keadaan sudah melanggar

atas alasan kepentingan negara. Sebab itu untuk mengelakkan salahguna kuasa supaya sesiapa yang akan dihukum atau hilang hak-hak dalam Akta ini tahu atas apa-apa, dan saya percaya sebelum perkara ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Perdana Menteri ada satu kajian yang mendalam di mana boleh disebutkan apa perbezaan atas alasan kepentingan negara demi kepentingan perkhidmatan awam dan bukan sahaja satu interpretasi yang umum ia tunggu pergi mahkamah baharu kita tahu, saya rasa ini satu jawapan yang sangat tidak sesuai, sangat tidak bertanggungjawab yang menunjukkan bahawa kalau mengikut keadaan Rang Undang-undang ini tidak digubal dan di-siap dengan lengkap dan dengan fikiran yang mendalam. Saya rasa apa yang mustahak ialah kita mahu satu keterangan yang jelas yang memuaskan hati apa perbezaan dan apa sebenarnya erti kepentingan negara supaya tidak salahguna kuasa. Kalau tidak suka kepada seseorang boleh kata ia tidak mengampu dan dirampas haknya. Apa ertinya fahaman itu. Bolehkah kita mendapat satu penjelasan?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat itu sudah jauh fikirannya. Mengampu Menteri itu bukan untuk kepentingan negara. Saya tidak tahu dari mana idea mengatakan mengampu Menteri itu untuk kepentingan negara. I don't think we all agree mengampu Menteri untuk kepentingan negara. Perkataan itu jelas, memang sengaja dibuat begitu, kepentingan negara. It is a word by itself, "kepentingan negara". Jadi saya tidak boleh memberi penjelasan yang lain lagi. Kepentingan negara ialah kepentingan negara.

Tuan Pengerusi: Ini dalam fasal berapa?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Fasal 11 juga. Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan telah menjawab bahawa ini boleh ditafsirkan ini satu masalah pentafsiran sahaja. Tetapi kita harus juga tahu bahawa pegawai-pegawai yang ditamatkan perkhidmatan untuk kepentingan negara ini tiada hak untuk didengar iaitu tidak dibawa ke Mahkamah. Siapa hendak mentafsirkan ini?

The right to be heard tidak ada bagi pegawai-pegawai yang ditamatkan perkhidmatan untuk kepentingan negara sebagaimana Perlembagaan yang telah diluluskan di Dewan ini iaitu satu pindaan mengenai hal ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Pengerusi, itu mengikut peraturanlah. Apa juga peraturan yang ada di dalam Perlembagaan ini di mana ianya memberi peruntukan akan dijalankan.

Tuan Pengerusi: Ya, ada peraturan lain lagi? Tidak cukup Peraturan 11, saya rasa cukuplah. Jangan berkisar keliling itu juga, kita hendak yang lain pula.

Fasal 11 hingga 23 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 24—

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran

Rauf: Tuan Pengerusi, sekali lagi saya memohon maaf kerana kesilapan teknik mengenai perkataan, jadi saya mencadangkan pindaan Fasal 24 seperti yang telah diedarkan di dalam Dewan ini.

Pindaannya seperti berikut:

Fasal 24 Gantikan perkataan-perkataan "Apabila seseorang pegawai sementara yang bersara di bawah seksyen 10, 11 atau 12 terus berkhidmat di bawah Skim Baru," dengan perkataan-perkataan "Apabila seseorang pegawai sementara yang terus berkhidmat di bawah Skim Baru bersara di bawah seksyen 10, 11 atau 12,".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 24 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 25 hingga 28 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.43 *ptg.*

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Penubuhan Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 bagi bacaan kali yang kedua sekarang.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dasar pelajaran kita dalam mana Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan akan dijadikan bahasa penghantar utama dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti telah diterima oleh semua lapisan masyarakat dan semua kaum di negara ini. Sesuai dengan dasar ini sejak tahun 1970 telah dimulakan proses peralihan bahasa penghantar di sekolah-sekolah dan ini telah berjalan dengan licin dan sempurna daripada peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat sekolah menengah atas.

Pada tahun 1978 Peperiksaan Lower Certificate of Education telah diadakan dalam penghantar Bahasa Malaysia sahaja (kecuali di Sarawak) dan dalam tahun 1980 pula Peperiksaan MCE akan cuma diadakan dalam perantaraan Bahasa Kebangsaan dan proses perubahan-perubahan ini terus berjalan.

Pada tahun 1979 kertas-kertas HSC bidang sastera hanya diadakan dalam Bahasa Malaysia dan mulai tahun 1982 keseluruhan peperiksaan itu akan hanya diadakan dalam perantaraan Bahasa Malaysia. Sejarar dengan pelaksanaan ini maka Kementerian saya, hasil kerjasama yang rapat dengan Cambridge, telah berjaya mengambilalih pengendalian Peperiksaan MCE/SPM mulai tahun 1978. Dengan demikian pengambilalihan Peperiksaan HSC merupakan satu proses yang logik dalam perkembangan pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan negara ini yang mana dinanti-nanti oleh seluruh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, peperiksaan HSC, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, ialah dikendalikan oleh University of Cambridge Local Examinations Syndicate dengan kerjasama Universiti Malaya. Peperiksaan dalam bentuk sekarang dapat diperkemaskan lagi dari beberapa segi tertentu,

umpamanya dari segi kesesuaian mata pelajaran-mata pelajaran dan juga dari segi penglibatan kesemua lima universiti yang terdapat di tanahair. Lagipun adalah juga tidak lagi sesuai dan wajar bagi peperiksaan di peringkat HSC terus dikendalikan oleh sebuah badan peperiksaan luar sedangkan negara kita telahpun layak dan mampu memikul tanggungjawab ini sepertimana terbukti dalam kejayaan kita mengambilalih Peperiksaan MCE/SPM.

Dalam hal ini Kementerian saya telah banyak berunding dengan pihak Cambridge dan juga dengan universiti-universiti dalam negeri dan pihak Cambridge telah memberi jaminan bahawa mereka akan terus memberi bantuan dan kerjasama apabila kita mengendalikan Peperiksaan HSC kita secara tersendiri kelak, sebagaimana juga mereka telah memberi kerjasama dalam pengambilalihan pengendalian Peperiksaan MCE/SPM. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat atas sokongan dan kerjasama Cambridge beberapa buah universiti terkenal di United Kingdom telahpun memberi pengiktirafan kepada sijil MCE dan juga SPM (penghantar Bahasa Malaysia). Di antara universiti-universiti itu ialah Universiti-universiti di Scotland, Universiti London dan Universiti Cambridge sendiri. Di sini sukalah saya merakamkan rasa terutang budi dan ucapan terima kasih kepada pihak Cambridge Examinations Syndicate yang telah, sedang dan akan terus memberi kerjasama dan bantuan kepada negara ini dalam bidang peperiksaan khasnya dan bidang pelajaran amnya.

Dalam sekim pengambilalihan pengendalian Peperiksaan HSC pengalaman yang diperolehi daripada projek pengambilalihan Peperiksaan MCE/SPM dahulu akan dipergunakan sepenuhnya. Sukalah saya nyatakan Peperiksaan MCE/SPM dahulu akan dipergunakan sepenuhnya. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa saya berasa penuh yakin dengan adanya bantuan yang ditawarkan oleh pihak Cambridge dan sokongan kuat yang akan diberikan oleh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia maka Majlis Peperiksaan yang akan ditubuhkan itu akan dapat memikul tanggungjawabnya dengan cekap demi untuk menjaga keutuhan dan taraf peperiksaan yang tinggi sesuai dengan cita-cita Kerajaan dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah memberikan gambaran latarbelakang Rang Undang-undang ini benarkanlah saya mengulas peruntukan-peruntukan utama di dalamnya.

Seksyen 3 Rang Undang-undang Akta Penubuhan Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 memperuntukkan penubuhan sebuah badan berkanun yang diberi nama Majlis Peperiksaan Malaysia atau "Malaysian Examinations Council".

Seksyen 4 memperuntukkan bahawa Majlis ini akan dianggotai oleh Naib-naib Canselor kelima-lima universiti tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Ketua Pengarah Pelajaran, Pengarah Peperiksaan dan lima ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada Naib-Canselor-Naib-Canselor Universiti-universiti tempatan. Majlis ini dianggotai secara seimbang bagi mewakili kepentingan-kepentingan Kerajaan, universiti-universiti dan juga orang-ramai. Teras Majlis ialah universiti-universiti dan perlantikan Naib-Canselor Universiti sebagai Pengerusi Majlis adalah wajar untuk menjamin status dan kepimpinan Majlis.

Seksyen 7 memperuntukkan bahawa tugas Majlis ini ialah untuk mengendalikan peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan seperti yang tercatat dalam Jadual Pertama Akta ini. Dalam pengendalian ini Majlis akan bekerjasama atau "collaborate" dengan kelima-lima universiti tempatan serta mana-mana badan atau ejensi di dalam dan di luar negeri yang difikirkan perlu. Penglibatan kelima-lima universiti buat pertama kalinya dalam pengendalian peperiksaan bukan sahaja akan memperkokohkan kepercayaan orangramai (public confidence) serta menjamin sumber tenaga akademik dan kepakaran yang lebih besar tetapi juga supaya peperiksaan ini benar-benar memenuhi keperluan kelayakan masuk ke universiti-universiti. Peruntukan bagi Majlis bekerjasama dengan badan-badan peperiksaan di dalam dan di luar negeri, umpamanya dengan Cambridge, adalah penting bagi mendapatkan bantuan-bantuan teknik, kepakaran dan khidmat nasihat bagi menjamin keutuhan, mutu kebolehppercayaan peperiksaan yang akan dijalankan. Pada tahun-tahun peralihan Majlis, jika perlu, dapat mengendalikan peperiksaan itu bersama (jointly) dengan Cambridge dengan kerjasama kelima-lima universiti tempatan sebagai Persewaan dan untuk mendapatkan pengalaman

serta membolehkan perpindahan tanggungjawab diuruskan dengan licin dan sempurna dan sijilnya diperkenalkan di luar negeri bagi kepentingan pengiktirafan.

Seksyen 8 memperuntukkan bahawa Majlis akan mengendalikan peperiksaan atau peperiksaan-peperiksaan bermula pada tahun yang ditetapkan oleh Menteri dalam *Warta Kerajaan*.

Seksyen 10 memperuntukkan bahawa Majlis boleh meminta bantuan Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri dalam tugas pengendalian peperiksaan ini. Bantuan dan kerjasama Jabatan-jabatan Pelajaran dan Kementerian Pelajaran adalah penting sebagai ejen untuk mentadbirkan peperiksaan sebagaimana yang sedang dibuat olehnya bagi pihak Cambridge selama ini.

Seksyen 14 dan 15 memperuntukkan bahawa seorang Setiausaha Agung atau 'Secretary General' akan dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Pentadbir dan Akademik bagi Majlis. Setiausaha Agung yang pertama akan dilantik oleh Menteri. Seorang yang layak dan berpengalaman perlu dilantik untuk membuat perancangan awal dan menentukan Majlis berjalan dengan cekap dan licin dalam tahun-tahun pelancarannya.

Seksyen 17 memperuntukkan bahawa bagi membiayai perbelanjaan Majlis sebuah tabung akan diwujudkan, terdiri daripada peruntukan Parlimen, bayaran-bayaran peperiksaan dan sumber-sumber lain yang merupakan hasil perolehan Majlis. Keteguhan Majlis bergantung kepada sebuah tabung yang mempunyai sumber yang cukup supaya kegiatan-kegiatannya dapat dibiayai dengan memuaskan dan perkhidmatannya dapat dibayar dengan cepat pada kadar-kadar yang menarik. Walaupun sumber-sumber hasil tahunan pendapatan Majlis dalam bentuk bayaran peperiksaan dijangkakan lebihkurang enam juta ringgit pada masa peperiksaan ini diambilalih sepenuhnya tetapi Majlis memerlukan satu peruntukan pelancaran sebaik-baik sahaja ianya ditubuhkan untuk pembiayaan kerja-kerja awal.

Seksyen 21 memperuntukkan bahawa Majlis adalah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh memberi apa-apa arahan kepadanya selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta. Peruntukan ini penting untuk memastikan supaya Majlis tidak terkeluar daripada dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan pelajaran.

Seksyen 25 dan Seksyen 27 memperuntukkan bahawa tiap-tiap ahli Majlis dan sesiapa jua yang dilantik oleh Majlis atau menjalankan kerja-kerjanya adalah terikat untuk memelihara kerahsiaan kegiatannya dan hukuman-hukuman tertentu diperuntukkan bagi sebarang penyelewengan bersabit dengannya. Hukuman-hukuman diperuntukkan bagi sesiapa yang terlibat dalam perbuatan membocorkan kertas-kertas soalan atau maklumat-maklumat peperiksaan yang lain. Kerahsiaan dan amanah adalah tonggak kepada keutuhan dan keselamatan peperiksaan, dan peruntukan ini memenuhi maksud itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penggubalan Rang Undang-undang ini Kementerian saya serta semua pihak yang berkenaan telah mengkaji bentuk dan susunan beberapa badan peperiksaan terkemuka di dunia luar, seperti Joint Matriculation Board di Manchester, Scottish Certificate of Education Examination Board, Associated Examining Board di United Kingdom, West African Examinations Council, Hong Kong Examinations Authority, School Certificate Examination Board di New Zealand dan University of Cambridge Local Examinations Syndicate sendiri dan telah mengambil unsur-unsur dan pengalaman terbaik daripadanya. Segala pertimbangan telah juga diberikan kepada unsur-unsur yang akan menentukan kejayaan atau sebaliknya pengendalian sesuatu peperiksaan oleh sesebuah badan peperiksaan. Umpamanya, dua unsur yang menjadi tonggak bidang pengendalian peperiksaan, iaitu 'keselamatan' dan 'keutuhan' atau 'security' and 'integrity', telah diberi layanan utama dalam penggubalan rang undang-undang tersebut. Peruntukan-peruntukan yang tegas dan luas telah disediakan bagi menentukan langkah-langkah keselamatan yang memuaskan diwujudkan dan lagi hukuman-hukuman yang wajar dikenakan bagi keseluruhan kegiatan di bidang pengendalian peperiksaan. Begitu juga keadaannya dengan matlamat menjamin keutuhan dan keamanahan peperiksaan.

Selain dari itu perhatian yang tegas juga diberikan kepada matlamat memastikan kepercayaan orang ramai terhadap peperiksaan yang dikendalikan itu. Hal ini jelas kelihatan daripada keanggotaan Majlis itu sendiri, status organisasi ini sebagai badan berkanun dan kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan kerjasama atau 'collaboration' daripada

badan-badan institusi-institusi dan individu-individu, di dalam dan di luar negeri, untuk menjamin sumber-sumber kepakaran dan kemahiran yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyenutuh satu soal yang amat penting yang akan terus mendapat tumpuan perhatian orang ramai, iaitu issue pengiktirafan atau 'recognition' sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Majlis ini kelak, khususnya Sijil H.S.C. atau S.T.P. Dalam hal ini pengiktirafan dalam negeri adalah menjadi tanggungan atau 'commitment' Kerajaan. Pengiktirafan di luar negeri pula, khususnya bagi kepentingan pelajaran tinggi peringkat universiti, dijangka tidak akan merupakan masalah dan jangkaan ini adalah berasaskan kepada beberapa pertimbangan tertentu. Pertamanya, berdasarkan kepada pengalaman kita mengambilalih pengendalian peperiksaan M.C.E./S.P.M. daripada Cambridge pada tahun 1978 yang mana sijilnya sekarang telahpun diiktirafkan oleh beberapa institusi pelajaran tinggi yang terkemuka di luar negeri seperti yang telah saya sebutkan tadi. Keduanya, peranan utama universiti-universiti tempatan yang sudah terkenal di dunia luar itu dalam kegiatan Majlis ini. Ketiganya, kerjasama rapat yang akan diteruskan oleh Majlis dengan badan-badan peperiksaan terkemuka di luar negeri dalam bidang pengendalian peperiksaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memperakukan bahawa perkembangan dan syor-syor berhubung dengan penubuhan Majlis dan pengambilalihan pengendalian Peperiksaan HSC ini tidaklah akan bertelingkah dengan syor-syor dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perlaksanaan Dasar Pelajaran. Ini bermakna selepas Majlis ditubuhkan dan Peperiksaan HSC diadakan dalam negara ini sepenuhnya dalam penghantar Bahasa Malaysia (juga dalam Bahasa Inggeris untuk calon-calon di Sarawak di mana peralihan penghantar Bahasa Malaysia masih belum lagi selesai) maka peperiksaan Cambridge HSC tidak akan diadakan lagi oleh Kerajaan. Dengan itu termasuk ke universiti-universiti tempatan dan untuk perkhidmatan Kerajaan akan didasarkan kepada sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Majlis sahaja. Saya maklum mungkin ada segolongan kecil pelajar-pelajar yang masih ingin mendapatkan kelayakan-kelayakan selain daripada HSC bagi tujuan melanjutkan pelajaran di seberang laut. Bagi golongan ini pihak Kerajaan tidak akan

menghalang mereka mengambil peperiksaan-peperiksaan luar (external examinations) yang serupa seperti Peperiksaan GCE 'A' Level yang sekarang pun sedia ada, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia 1979 ini dibaca kali kedua adalah sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.00 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, bila kita menerima dan menjunjung tinggi Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaysia maka proses pengambilalihan dalam peperiksaan ini tentu akan diterima oleh semua pihak yang berkenaan. Memang penubuhan sebuah Majlis Peperiksaan Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan semua peringkat, baik SRP, SPM atau STP di Malaysia adalah sebenarnya berasaskan pada sistem dan Dasar Pelajaran Malaysia.

Tuan Speaker, memang DAP tidaklah mempersoalkan bahawa apakah tujuannya Kerajaan menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia ini bila kita menerima hakikat bahawa Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan ini adalah berasaskan seperti saya ada kata tadi sistem dan Dasar Pelajaran Malaysia selama ini, tetapi beberapa aspek perlulah saya contohkan. Umpamanya Bahagian V - Am, iaitu Fasal 21, Kuasa-kuasa Menteri. Di sini saya tidak dapat memahami bahawa apakah sebabnya hanya seorang Menteri Pelajaran diberikan kuasa yang sepenuhnya untuk memberikan segala arahan untuk bagi mengelolakan, baik soalan atau marking dan urusan-urusan pentadbiran.

Tuan Speaker, yang saya suka menyatakan pandangan DAP di sini ialah sebenarnya kuasa yang begitu luas ini perlu diberikan kepada satu Majlis atau Lembaga yang mem-

punyai otonomi dan mempunyai kuasa-kuasa tersendiri dan tidak akan dipengaruhi oleh apa-apa unsur-unsur politik. Memang penubuhan organisasi Majlis ini adalah baik melalui perlantikan oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi Majlis ini perlu bertanggungjawab sepenuhnya kepada Menteri. Jika sekiranya arahan-arahan atau dasar-dasar dari Menteri Pelajaran ini telah dipengaruhi atau dicampuri oleh unsur-unsur atau faktor-faktor politik, maka apakah yang akan berlaku atau tertimpa kepada standard pelajaran bagi peperiksaan di semua peringkat yang akan dikelolakan dalam Bahasa Malaysia. Saya tidak cuba mempersoalkan integrity atau kejujuran Menteri Pelajaran tetapi caranya memberikan arahan yang sangat mustahak yang akan berkaitan dengan kepentingan standard pelajaran ini perlu ditinjau semula.

Di sini DAP adalah mencadangkan bahawa kuasa-kuasa yang begitu luas, yang begitu besar, yang mula ini akan diberikan kepada Menteri untuk memberikan segala arahan kepada Majlis ini perlu diubahsuaikan supaya standard pelajaran dan keutuhan peperiksaan yang akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia disemua peringkat ini boleh dipelihara dan dipelihara, bukan sahaja di dalam masyarakat Malaysia tetapi di seluruh dunia yang akan datang. Itulah sebabnya saya harap otonomi Lembaga ini perlulah dijunjung tinggi melalui perubahan kuasa-kuasa yang hanya tertakluk kepada seorang Menteri sahaja kerana dari pengalaman-pengalaman kita, kita adalah mempunyai alasan-alasan apa sebab kita mencurigai begitu besar kuasa diberikan kepada seorang Menteri yang akan membawakan satu akibat yang sangat membimbangkan semua pihak yang berkenaan.

Perkara kedua yang akan saya sentuh ialah berkenaan Fasal 26 mengenai penzahiran markah dan lain-lainnya. Tuan Speaker, memang ada baik bahawa Majlis ini adalah perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk merahsiakan segala markah dan skrip jawapannya tetapi mengenai penentuan dan pemberian markah adalah perlu dibangkitkan dan diperhatikan oleh semua pihak, khususnya di Dewan yang mulia ini. Selama ini kita ada menerima aduan-aduan, baik dari negara kita sendiri atau dari dunia luar bahawa dalam penentuan dan pemberian markah-markah ini sudah berlaku satu diskriminasi dengan berasaskan para kaum

sahaja, biasanya digolongkan dalam kaum bumiputra dan bukan Melayu. Ini telah membawakan satu akibat yang sangat serius yang akan membawa keraguan dunia luar terhadap standard sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Malaysia.

Tuan Speaker, saya tidak tahu bagaimana boleh berlakunya aduan-aduan yang begitu serius yang menuduh bahawa peperiksaan-peperiksaan yang diadakan selama ini telah berlaku satu diskriminasi pemberian markah.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan 37 (a) atau (b)? Maknanya ada tatatertib atau

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya hendak minta penjelasan sekiranya Yang Berhormat berkenaan memberi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: (*Kepada Y.B. Tuan Chan Teck Chan*) Yang Berhormat memberi jalan?

Tuan Chan Teck Chan: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: (*Kepada Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin*) Beliau tidak memberi jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak bertujuan atau bermotif untuk mempersoalkan keseluruhan sistem marking atau pemberian markah ini. Ini adalah satu perkara yang perlu dijelaskan supaya rakyat Malaysia dan dunia luar dapat diberitahu adakah benar atau tidak bahawa telah berlaku satu diskriminasi dalam pemberian markah selama ini, khususnya aduan dari luar negeri. Ini bukan tuduhan daripada DAP, Tuan Speaker, saya cuma membuat satu penjelasan kerana memandangkan kepentingan negara kita. DAP adalah bertanggungjawab untuk menarik perhatian Dewan ini, khususnya perhatian Kementerian Pelajaran atas tuduhan-tuduhan yang serius itu. Sama ada benar atau tidak, ini adalah terserah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ketika mengulung ucapannya bolehlah menjelaskan tuduhan-tuduhan yang begitu dipandang berat oleh kaum ibubapa kita, khususnya masyarakat bukan Melayu.

Tuan Speaker, akhirnya saya suka menyentuh Fasal 28, iaitu mengenai pembocoran kertas-kertas peperiksaan. Dari pengalaman-pengalaman yang lepas kita perlu mempelajari satu pelajaran yang pahit di mana selalu berlakunya pembocoran kertas-kertas peperiksaan yang sudah mengakibatkan begitu ramainya pelajar-pelajar yang mengalami berbagai masalah, ada yang tidak berdosa ini juga terlibat. Maka saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberitahu Dewan ini bagaimana sistem keselamatan untuk menjaga bahawa peristiwa-peristiwa pembocoran pada tahun-tahun yang lepas ini tidak akan berlaku lagi supaya jangan sesuatu peristiwa yang sangat-sangat mendukacitakan kita ini akan tertimpa kepada peperiksaan-peperiksaan yang akan dikelolakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia di bawah undang-undang baru ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran nanti boleh memberitahu kita bagaimana sistem keselamatan untuk menjaga pembocoran kertas-kertas peperiksaan ini dijalankan dan bagaimana caranya kertas-kertas ini akan disimpan dan diserahkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam peperiksaan itu.

Akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang membawakan undang-undang yang begitu diperhatikan dan diambil berat oleh rakyat Malaysia. Akhir sekali saya perlu menegaskan saya tidak mempersoalkan atau merasa curiga atau syakwasangka terhadap keutuhan integrity Majlis Peperiksaan, saya hanya menyentuh mengenai aspek kuasa dan diskriminasi pemberian markah dan akhirnya kebocoran. Saya harap ketiga-tiga perkara ini boleh diberikan satu jawapan yang memuaskan khususnya mengenai marking system yang bukan sahaja DAP merasa bimbang dan mengambil berat, tetapi adalah diambil berat juga oleh seluruh lapisan masyarakat Malaysia dan di dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

6.11 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana sedang mengambil satu langkah positif

untuk mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu sendiri dan tidak bergantung selamalamanya atas perkhidmatan negara-negara asing bagi menentukan mutu pelajaran rakyat atau penuntut-penuntut kita.

Banyak negara didorong oleh keinginan untuk menunjukkan nasionalisma mereka telah membuat perubahan-perubahan besar (drastic changes) sebaik sahaja mencapai kemerdekaan dengan akibat yang buruk tetapi Malaysia telah menunjukkan kebijaksanaan politik dan kematangannya dengan membuat sebarang perubahan secara perlahan-lahan atau mengikut kebolehan kita dari masa ke semasa. Misalnya sungguhpun Lembaga Peperiksaan telah memperuntukkan sejak awal lagi bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan, dasar itu hanya dilaksanakan secara perlahan-lahan (gradually) sahaja baik di dalam sekolah-sekolah kita, dalam Jabatan-jabatan Kerajaan mahupun dalam Dewan yang mulia ini juga.

Satu contoh yang lain iaitu sejak kemerdekaan banyak barang-barang keluaran kita berpandukan piawaian British dan kita hanya mengikut piawaian kita pada tahun 1975 sahaja apabila Instituti Piawaian dan Penyelidikan ditubuhkan. Semasa kita mengalukan penubuhan Majlis Peperiksaan ini kita harus mengingatkan selalunya bahawa peperiksaan-peperiksaan yang kita jalankan dan sijil-sijil yang kita akan mengeluarkan itu harus boleh diterima diperingkat antara-bangsa dan bukan diperingkat kebangsaan sahaja. Ini bermakna kita harus menyegerakan dan mengambil segala langkah untuk menjamin taraf pengajaran kita yang setinggi dan setaraf dengan mana-mana negara di dunia Barat. Kita harus meminta pengiktirafan negara-negara asing seperti kita telah bertahun-tahun mengiktiraf dan menerima sijil-sijil atau standard pelajaran mereka but we must preserve their recommendation. Dengan pengiktirafan itu, penuntut-penuntut yang gagal mendapat tempat yang terhad dalam institusi-institusi pengajian tinggi kita akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka di negara-negara asing berdasarkan atas sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.15 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana telah mengemukakan Rang Undang-undang ini dan rasa saya ini adalah satu perkara yang patut diberi pujian kerana sebagai sebuah negara yang merdeka selama 22 tahun dan kita mempunyai Bahasa Kebangsaan sendiri dan mempunyai sistem dasar pelajaran sendiri, maka sudah sewajarnya Majlis Peperiksaan sendiri patut diadakan.

Saya tidak mengatakan Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah lewat, tetapi saya ingin mengatakan bahawa timing ataupun masa Majlis ini dikemukakan untuk diluluskan oleh Dewan ini adalah sesuai kerana setelah kita mencapai kemerdekaan mulai tahun 1957 sampai hari ini—saya sebutkan tadi selama 22 tahun tentulah tempoh 22 tahun ini dapat dianggap sebagai tempoh peralihan di mana kita dalam masa 22 tahun ini cuba hendak menukarkan daripada sistem ataupun peperiksaan yang dikendalikan oleh Cambridge Local Examination Syndicate kepada Majlis Peperiksaan kita sendiri. Saya percaya dalam masa 22 tahun ini tentulah pihak-pihak yang bertanggungjawab terutama sekali pihak Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran dan juga pihak-pihak lain yang berminat dalam soal pelajaran khususnya dalam soal peperiksaan ini tentulah membuat kajian-kajian yang tertentu, tentulah melihat di mana kekurangan-kekurangan dan kekurangan-kekurangan ini tentulah telahpun disesuaikan dan dijadikan suatu panduan untuk kita dapat suatu Rang Undang-undang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebelum saya meneruskan apa yang saya hendak sebutkan mengenai Rang Undang-undang ini, saya hendak juga menyentuh sedikit perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Sebenarnya saya juga hendak mencelah sewaktu beliau berucap tadi, tetapi daripada keterangan beliau, beliau tidak sanggup memberi jalan kepada salah seorang sahabat saya dari Sepang, maka izinkan saya menyentuh sedikit mengenai apa yang dikatakan diskriminasi dalam memberi markah peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut mendengar perkara ini daripada seorang Ahli Yang Berhormat yang perlu dibawa ke Dewan Rakyat. Saya tidak yakin dan saya tidak percaya di dalam mana-mana sistem peperiksaan perbezaan pemberian markah peperiksaan ini diberi berlandaskan warna kulit, berlandaskan keagamaan, berlandaskan bangsa, berlandaskan nama. Dengan izin Tuan Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat saya sentuh sedikit pengalaman saya yang pernah menjadi salah seorang yang terlibat di grass-roots level dalam soal peperiksaan ini iaitu sebagai pemeriksa, di dalam menjalankan pemeriksaan ini memang nama pun tidak diketahui siapa yang menjadi tuan punya kertas-kertas jawapan ini tidak diketahui oleh orang-orang yang memeriksa kertas. Apatah lagi hendak diberi markah yang berbeza-beza di antara si A kerana warna kulitnya sekian, si B kerana warna kulitnya atau namanya sekian kerana apa yang wujud di atas kertas itu kebanyakannya sekadar nombor peperiksaan, index number dan number pusat peperiksaannya. Itulah sahaja yang kita dapati. Jadi tidak mungkin seseorang itu daripada tulisan dapat mengetahui tulisan ini ala bumiputra atau tulisan ini ala bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini gambaran atau anggapan yang dipunyai oleh seorang Ahli Dewan Rakyat, saya malu, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah kita ini tidak mempunyai satu sistem, tidak mempunyai maruah langsung dalam masalah menegakkan soal peperiksaan ini.

Jadi, kalau sekiranya apa yang dimaksudkan sebagai diskriminasi tadi sering digunakan oleh pihak DAP dalam soal-soal lain, saya rasa adalah keterlaluan di dalam peperiksaan ini soal diskriminasi juga hendak dikaitkan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita mengikuti peperiksaan di negara ini tahun demi tahun, kita tidak terkejut kalau sekiranya di dalam sesebuah sekolah menengah kebangsaan yang mendapat Sijil Gred Satu bukannya daripada bumiputra, malahan kebanyakan daripada sekolah yang berkenaan sama ada mendapat Gred Dua, Tiga atau tidak lulus langsung. Dan ini menunjukkan bahawa mengambil peperiksaan di dalam bahasa yang sama, belajar di sekolah yang sama yang bukan bumiputra mendapat Gred Satu dan yang

bumiputra tidak mendapat Gred Satu. Ini menunjukkan secara tidak langsung atau secara langsung kaedah peperiksaan kita adalah adil. Saya juga beberapa tahun dahulu, kalau saya tak silap, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati dalam sebuah universiti tempatan, ada seorang bukan bumiputra yang mendapat hadiah yang paling tinggi di universiti berkenaan, malahan golongan bumiputra yang belajar dalam Bahasa Malaysia tidak mendapat tempat itu. Apakah ini menunjukkan bahawa walaupun apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, adakah ini tidak menunjukkan bahawa sistem peperiksaan dan kaedah pemeriksaan adalah adil?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh dalam soal ini bahawa kita dengar di dalam soal peperiksaan ini kita mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu sama ada pemeriksa-pemeriksanya daripada dalam negeri dan juga daripada luar negeri (external examiners), kalau saya tak betul saya harap Yang Berhormat Menteri betulkan dalam perkara ini, dan pemeriksa-pemeriksa dalam negeri ini mungkin subject to discrimination, walaupun ada, walaupun saya tak percaya perkara ini wujud. Tetapi pemeriksa-pemeriksa daripada luar negeri, tak mungkin, Tuan Yang di-Pertua, subject kepada perkara yang seperti itu. Jadi, saya rasa adalah tidak adil kita membawa perkara ini sampai kepada soal-soal peperiksaan. Seterusnya kalau sekiranya kaedah itu digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran, maka Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia tidak akan dianggotai oleh sebarang daripada kaum yang tidak dikehendaki oleh pihak yang tertentu. Ini menunjukkan bahawa kaedah peperiksaan kita adalah adil.

Perkara yang kedua disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi ialah soal pembocoran kertas peperiksaan. Saya merasa hairan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah beberapa kali dibawa ke dalam Dewan ini dan juga telah beberapa kali dipersoalkan di peringkat awam dan perkara ini, kalau tak silap saya telahpun dibawa kemuka pengadilan, orang-orang berkenaan. Saya rasa adalah merugikan masa Dewan dan merugikan masa Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memberi jawapan kepada perkara-perkara yang telahpun diketahui umum, terutama sekali kepada

orang-orang yang membaca akhbar. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu perkara yang menjadi modal yang pihak yang berkenaan mencari jalan untuk discredit pihak Kerajaan tidak lebih daripada itu. Jadi kalau sekiranya mereka tidak ada perkara lain yang boleh dipergunakan untuk memperkecil-kecilkan usaha Kerajaan untuk menuduhkan Majlis Peperiksaan itu, maka perkara-perkara yang terlintas oleh beliau, perkara-perkara yang pernah berlaku, boleh jadi sekali dalam 10 tahun dibawa ke sini moga-moga mendapat perhatian umum, boleh menunjukkan bahawa pihak beliau khususnya pihak DAP mengemukakan rungutan-rungutan yang tertentu walaupun perkara itu kecil.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kaedah Rang Undang-undang ini disusun dan dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini kerana di dalam soal peperiksaan sekurang-kurangnya dua perkara yang kita perlu perhatikan. Perkara yang pertama ialah soal sijil itu sendiri, sama ada sijil itu dapat diterima oleh rakyat, rakyat dapat menerima sijil itu kalau sekiranya sijil itu difikirkan sama ada oleh pihak Kerajaan, pihak swasta dalam negara ini ataupun bagi faedah-faedah di luar negeri untuk melanjutkan pelajaran. Satu perkara lagi ialah soal keselamatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dalam soal pengiktirafan, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kemuncak kepada pelajaran di negara ini ialah kelima-lima buah universiti iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Pulau Pinang, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dan secara kebetulan kelima-lima Naib Canselor (Vice-Chancellor) ini menduduki di dalam Majlis ini sebagai ahlinya salah seorang daripadanya akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Pengerusinya, kalau tak silap saya, selama tiga tahun dan boleh disambung lagi, jika perlu. Ini boleh menunjukkan bahawa kita menggunakan orang yang paling pakar dalam pelajaran.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang paling layak dari segi akademik di negara ini daripada orang-orang yang mengepalai kelima-lima universiti yang berkenaan itu. Dan soal pengiktirafan ini saya rasa telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri tadi kalau sekiranya pihak Universiti Cambridge sendiri dan beberapa pihak lagi telah mengakui atau mengiktiraf sijil-sijil MCE/SPM yang telah kita mulai pada tahun 1978, kalau tak silap saya, maka tidak ada sebab sijil-sijil HSC/STP yang menjadi tangga kedua selepas SPM/MCE, tidak dapat pengiktirafan, apatah lagi usaha-usaha yang tertentu yang dijalankan oleh pihak yang berkenaan iaitu pihak Menteri Pelajaran melalui Rang Undang-undang ini supaya orang yang paling baik, the best mind available diletakkan dalam Majlis ini. Cuma satu perkara dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh ialah soal Setiausaha Agong. Oleh sebab Setiausaha Agong ini adalah merupakan nadi kepada pergerakan Majlis ini dan oleh sebab tidak ada peruntukan-peruntukan yang tertentu dari segi syarat-syarat orang yang akan menjadi Setiausaha Agong itu, saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran menimbangkan sekurang-kurangnya Setiausaha Agong itu jangan dijadikan tempat menyambung kerja bagi orang-orang yang sudah tamat atau bersara kerja mereka, sama ada di Kementerian Pelajaran ataupun di Kementerian-kementerian lain.

Saya rasa kaedah ataupun amalan ini kita patut diberhentikan kalau pernah kita mulakan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam soal hendak melantik Setiausaha Agong ini sama ada orang seperti itu muda atau tua atau telah bersara, sekiranya difikirkan layak dan mempunyai intergriti yang tertentu yang boleh menjamin bahawa Majlis itu dapat pengiktirafan atau diterima umum, maka itulah orang yang akan menjadi Setiausaha Agong. Misalnya, dalam penubuhan Universiti Kebangsaan pada tahun 1970 dahulu, demi untuk meletakkan tapak yang kuat kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, maka perlu seorang pendaftar yang kuat, yang berpengaruh dan dedikasi diadakan, maka dilantik pada masa ini seorang Pegawai Kerajaan dan akhirnya

dua-tiga tahun lepas beliau menjadi Ketua Setiausaha Negara. Ini jenis-jenis orang yang layak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat banyak lagi hendak bercakap?

Tuan Hussein bin Mahmood: Ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, boleh bercakap esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 17hb Oktober, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.